

*Ini merupakan versi salinan lembut yang dimampatkan serta beresolusi rendah.*



# PELAN STRATEGIK 2016—2021

## Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak



**Pelan Strategik 2016—2021**  
**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**





**Pelan Strategik 2016—2021**  
**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**

**مجلیس اکام اسلام دان عاده ملايو قيراق**

**Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**  
Ipooh  
2016

Cetakan Pertama 2016 (Mac)  
Hak Cipta Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak, 2016


*Penerbit*

Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak  
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan,  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30000 Ipoh, Perak.

Dokumen ini bukan untuk bacaan dan rujukan umum. Oleh itu tiada mana-mana bahagian yang boleh disiarterbitkan dalam sebarang bentuk dan dengan apa-apa cara sekalipun tanpa kebenaran Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak.

*Sebarang pertanyaan berkenaan atau maklum balas terhadap dokumen ini hendaklah diajukan kepada:*

Ketua Pegawai Eksekutif  
Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak  
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan,  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30000 Ipoh, Perak.  
Telefon: 05-2084000  
Telefaks: 05-2414257



Pengantar *vii*

Mandat dan Aspirasi *xvii*

Ringkasan Eksekutif *xli*


1. Jati Diri MAIPk *1*
2. Menjunjung Mandat: Pelan Tindakan Menterjemah Aspirasi *19*
3. Kerangka Strategik *29*
4. Bidang Strategik I: Keutuhan Mandat *41*
5. Bidang Strategik II: Memperkasakan MAIPk *51*
6. Bidang Strategik III: Pendidikan Membangunkan Ummah *59*
7. Bidang Strategik IV: Kemajuan Sosioekonomi & Kesejahteraan *67*
8. Langkah Selanjutnya: Pelaksanaan *73*

Lampiran *83*

Lampiran I: Laporan Kolokium Memperkasakan MAIPk *85*

Lampiran II: Carta Organisasi MAIPk *95*





## PENGANTAR

*“Sesungguhnya mandat dan aspirasi yang dizahirkan oleh Duli Yang Maha Mulia mengandungi permata hikmah yang tidak boleh dipandang sepi dan ditinggalkan sebagai satu lagi rakaman titah baginda — ‘just another speech’*

*Sebenarnya, ahli-ahli majlis berasa teruja dan terpanggil oleh titah itu. Teruja untuk melakukan sesuatu, walaupun hanya sekelumit, demi membela dan memperjuangkan nasib ummah dalam negeri Perak.”*

## PENGANTAR

الشَّكْرُ لِمُعْلَمٍ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

*Blue print*  
untuk  
menterjemah-  
kan mandat  
dan aspirasi  
pemerintah  
negeri Perak.

**P**elan Strategik 2016—2021 Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak ini, semenjak awal kerja perumusannya, dikenali dan diungkapkan oleh semua pihak sebagai *blue print* MAIPk. Walau apa pun panggilan untuknya, pelan ini dirumuskan sebagai rangka kerja strategik bagi menterjemahkan mandat dan aspirasi pemerintah negeri Perak, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Mandat dan aspirasi yang baginda zahirkan pada 13 Februari 2015, sempena majlis pengurniaan watikah kepada ahli-ahli Majlis, menjadi pertanggungjawaban yang perlu dijelmakan dalam bentuk hala tuju strategik untuk digalas dan direalisasikan oleh MAIPk, sehingga mendatangkan impak yang positif terhadap ketinggian syi’ar Islam dan kesejahteraan hidup masyarakat Islam.

Baginda menzahirkan pertanggungjawaban MAIPk sebagai badan dakwah yang memikul amanah untuk mengembangkan syi’ar Islam dan

## PENGANTAR

menegakkan kalam Ilahi. Dalam melaksanakan amanah tersebut, baginda menggarapkan beberapa prasyarat yang wajib kita penuhi. Prasyarat pertama dan utama ialah peneraju dan penggerak MAIPk harus berfikiran besar.

Berfikiran besar dalam erti kata bagaimana kita dapat menjadikan umat Islam, khususnya umat Islam dalam negeri Perak, menjuarai persaingan yang semakin sengit: persaingan ilmu, persaingan daya fikir, persaingan ekonomi, persaingan sosial dan persaingan politik.

Berfikiran besar bagi mencari ikhtiar bagaimana umat Islam dapat memenangi persaingan sengit dalam setiap medan tersebut, yang sarat dengan cabaran dan yang sarat dengan realiti baharu: cabaran dan realiti baharu yang sangat jauh bezanya daripada realiti lama; cabaran dan realiti yang tidak pernah kita hadapi sebelum ini.

Sesungguhnya mandat dan aspirasi yang dizahirkan oleh Duli Yang Maha Mulia mengandungi permata hikmah yang tidak

**Prasyarat pertama  
dan utama ialah  
peneraju dan  
penggerak MAIPk  
harus berfikiran  
besar.**

## PENGANTAR

boleh dipandang sepi dan ditinggalkan sebagai satu lagi rakaman titah baginda — *just another speech*’

Sebenarnya, ahli-ahli majlis berasa teruja dan terpanggil oleh titah itu. Teruja untuk melakukan sesuatu, walaupun hanya sekelumit, demi membela dan memperjuangkan nasib ummah dalam negeri Perak.

Keterujaan tersebut telah menjadi tenaga yang menggerakkan ahli-ahli Majlis, tenaga yang menggembangkan kebijaksanaan dan pengalaman para kapten industri, usahawan, cendekiawan, pemimpin akar umbi, belia dan pelajar bermusyawarah dalam *Kolokium Memperkasakan MAIPk* pada 4 April 2015.

Kolokium tersebut berjaya menghimpunkan pelbagai idea bernas, cadangan konstruktif dan strategi tindakan yang menjadi asas perumusan *blue print* ini.

Satu daripada strategi tindakan taktikal yang terbit daripada permusyawarahan tersebut ialah rencana bagi melonjakkan daya upaya MAIPk supaya mampu membela umat Islam rakyat negeri Perak.

**Ahli-ahli Majlis  
teruja untuk  
melakukan  
sesuatu,  
walaupun  
sekelumit, demi  
membela dan  
memperjuang-  
kan nasib  
ummah.**

**Tindakan taktikal  
bagi melonjakkan  
daya uoaya MAIPk  
supaya mampu  
membela umat  
Islam.**

**Tindakan taktikal  
ini diharap  
menambahkan  
kekayaan MAIPk  
sebanyak satu  
bilion ringgit  
dalam tempoh  
enam tahun.**

## **PENGANTAR**

Menerusi rencana itu, daya upaya ekonomi MAIPk wajib dilonjakkan kerana dengan daya upaya ekonomi itu segala garapan besar bagi memartabatkan kemuliaan umat dapat dilaksanakan.

Ringkasnya, dalam bahasa semudah-mudahnya, rencana itu bermaksud menjadikan MAIPk sebuah badan yang kaya, yang dananya dapat kita gunakan dalam kerja-kerja meninggikan syi'ar Islam, yang sumber kewangannya dapat digembung untuk memajukan daya fikir umat Islam.

Rencana itu, yang menjadi salah satu tindakan taktikal dalam *blue print* ini serta bakal diusahakan setekun-tekunya, diharap dapat menambahkan kekayaan MAIPk sebanyak satu bilion ringgit dalam tempoh enam tahun: satu bilion ringgit dalam bentuk aset baharu, meliputi aset tunai, harta tanah, ladang, perusahaan dan pelaburan.

Tindakan taktikal itu selanjutnya akan mengupayakan MAIPk melaksanakan pelbagai tindakan strategik yang lain, khususnya tindakan bagi menangani tiga

## PENGANTAR

Transformasi institusi pendidikan Islam ke arah membina daya fikir umat bagi menghadapi cabaran-cabaran baharu dalam alaf baharu.

dimensi kritikal umat Islam: penghayatan agama, kecemerlangan pendidikan dan penguasaan ekonomi.

Dalam dimensi agama misalnya, MAIPk bertekad memastikan institusi dan program keagamaan menjadi wahana bagi mencapai objektif yang lebih besar daripada sekadar mempelajari dan menghafal al-Quran. MAIPk bertekad mentransformasikan institusi dan program keagamaan kepada institusi dan program yang menjurus ke arah pembinaan sekelompok pemuda yang dapat memahami dengan tepat tuntutan agama sebagaimana yang terkandung dalam al-Quran, serta dapat berfikir dan mengatur langkah bagi merealisasikannya dalam kehidupan abad ke-21.

Demikian juga dimensi pendidikan. MAIPk berazam untuk mencari jalan bagaimana institusi pendidikan Islam dapat digembangkan ke arah membina dan mengembangkan daya fikir umat bagi menghadapi cabaran-cabaran baharu dalam alaf baharu.

Kita tidak boleh lagi membiarkan institusi pendidikan Islam itu melaksanakan pengajaran

**Platform yang  
mengupayakan  
usahaawan menjadi  
pembayar zakat  
serta penyumbang  
wakaf.**

## PENGANTAR

mengikut cara lama, menggunakan kurikulum lama, serta mengamalkan pedagogi lama. Justeru cara kerja lama itu hasilnya nanti ialah umat yang berfikir cara lama, walhal orang lain di sekeliling kita, orang lain di seluruh dunia, sudah melonjak jauh ke hadapan dalam pelbagai bidang kehidupan.

Begitu juga dalam dimensi ekonomi. Usahawan wajar digembleng dengan lebih sistematik dan aset sedia ada wajar dijuruskan ke arah sektor yang lebih produktif.

MAIPk harus tampil sebagai platform yang mengupayakan usahawan menyertai sektor perindustrian, perdagangan dan perkhidmatan secara kolaboratif sehingga mencapai tahap kejayaan yang melayakkan mereka menjadi pembayar zakat serta penyumbang wakaf.

Selanjutnya MAIPk wajar menjadi platform yang membolehkan daya upaya serta kekayaan para usahawan tersebut digembleng dan dijuruskan ke arah pembinaan usahawan baharu dalam kalangan anak-anak muda yang keluar daripada institusi pendidikan Islam.

## PENGANTAR

Demikian perencanaan strategik yang menjadi fokus *blue print* ini. Perencanaan yang terhasil daripada komitmen setiap ahli Majlis, organisasi dan individu yang tampil menyumbangkan buah fikiran. Perencanaan yang terhasil daripada kerja keras warga MAIPk segenap peringkat.

Perencanaan yang terhasil daripada cetusan mandat dan rangsangan aspirasi pemerintah negeri Perak. Perencanaan yang terhasil oleh keizinan Allah Subhanahu Wata'ala.

Hanya Allah Subhanahu Wata'ala juga yang berupaya mengganjari sumbangan bakti mereka dalam menghasilkan *Pelan Strategik 2016—2021*

**Semoga Allah melimpahkan petunjuk dan kekuatan bagi melaksanakan segala rencana dalam *blue print* ini.**


*Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak;* dan ke hadrat Ilahi kita memohon limpah petunjuk serta anugerah kekuatan bagi melaksanakan segala rencana yang kita garap bersama ini.

XV

**TAN SRI DATO’ DR. WAN MOHD ZAHID  
BIN MOHD NOORDIN**

Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak







*Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan  
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah*

## MANDAT DAN ASPIRASI

Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ وَالْمُرْسَلِينَ  
وَعَلَىٰ إِلَيْهِ وَصَاحِبِيهِ وَاتَّابِعِيهِ وَالْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ لَهُمْ  
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

xix

Daripada Abdurrahman bin Yazid dan Abu Lubabbah bin Abdil Munzir, Rasulullah sallallahu alaihi wassalam bersabda:

*“Hari Jumaat adalah hari yang besar di sisi Allah bahkan lebih besar dari Hari Raya Aidilfitri dan juga Aidiladha dan di dalamnya ada lima kelebihan:*

*Pertama: Pada hari Jumaat Allah mencipta Adam Alaihissalam.*

*Kedua: Pada hari Jumaat Allah menurunkan Adam alaihissalam ke bumi.*

## MANDAT DAN ASPIRASI

Semoga Engkau  
anugerahkan kepada  
setiap ahli Majlis  
kekuatan iman agar  
senantiasa  
berpendirian tegas dan  
bersuara ikhlas  
menyembahkan sebaik  
-baik nasihat kepada  
hamba-Mu yang daif  
ini.

XX

*Ketiga: Pada hari Jumaat Adam Alaihissalam meninggal dunia.*

*Keempat: Pada hari Jumaat ada saat berdoa yang paling mustajab, tiada seseorang pun yang berdoa pada saat itu melainkan Allah pasti memberinya, selama tidak meminta yang haram.*

*Kelima: Pada hari Jumaat juga akan berlakunya hari kiamat.*

Ya Allah Yang Maha Berkuasa lagi Maha Mengetahui, berpedomankan sabda rasul pilihan Mu, penghulu kami, Nabi Muhammad sallallahu alaihi wassalam, dan atas hasrat untuk mendapat keberkatan dari Mu jua ya Allah, hamba-Mu ini telah memilih pagi Jumaat, 23 Rabiulakhir 1436 untuk melangsungkan Majlis Pengurniaan Watikah Lantikan Yang Dipertua dan ahli-ahli Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak.

Hamba-Mu pohonkan agar ahli-ahli Majlis pada setiap masa akan mendapat bimbingan dan panduan dari Mu juga ya Allah untuk dapat menyempurnakan tanggung jawab

## MANDAT DAN ASPIRASI

Tidak ada tugas yang lebih suci, tidak ada tanggung jawab yang lebih murni dan tidak ada amal yang lebih mulia daripada tugas, tanggung jawab dan amal untuk mengembangkan syi'ar Islam dan untuk menegakkan kalam Ilahi.

dengan penuh jujur lagi berintegriti.

Semoga Engkau anugerahkan kepada setiap ahli Majlis kekuatan iman agar senantiasa berpendirian tegas dan bersuaraikhlas menyembahkan sebaik-baik nasihat kepada hamba-Mu yang daif ini untuk membolehkan hamba-Mu menyempurnakan tugas besar seorang amirulmukminin dengan adil lagi saksama berteraskan Kitabullah dan sunah rasul.

Ahli-ahli Majlis yang telah dikurniakan watikah lantikan mempunyai tanggung jawab besar bukan sekadar kepada beta dan ummah tetapi amanah untuk memenuhi dan melaksanakan perintah-perintah yang telah ditetapkan oleh Ilahi. Lantikan sebagai ahli Majlis adalah atas asas kepercayaan beta bahawa setiap seorang ahli memiliki pengetahuan, kepakaran dan pengalaman yang boleh membantu usaha-usaha mengembangkan syi'ar Islam dan membantu usaha-usaha untuk menegakkan kalam Ilahi. Tidak ada tugas yang lebih suci, tidak ada tanggung jawab yang lebih murni dan tidak ada amal yang lebih mulia daripada tugas,

**Sedarilah, lantikan ini  
adalah kurniaan  
kemuliaan daripada  
Ilahi.**

## MANDAT DAN ASPIRASI

tanggung jawab dan amal untuk mengembangkan syi'ar Islam dan untuk menegakkan kalam Ilahi.

Penuhi amanah ini berpandukan seruan yang terkandung dalam ayat 33 *Surah Fussilat* bermaksud:

*“Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesahkan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang salih, sambil berkata: Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam yang berserah diri kepada Allah.”*

Bersyukurlah atas ketentuan Ilahi yang telah mengerakkan hati beta untuk mengamanahkan tanggungjawab fardu kifayah yang mulia ini kepada kalangan ahli-ahli Majlis yang terpilih. Sedarilah, lantikan ini adalah kurniaan kemuliaan daripada Ilahi.

Beta sendiri hanyalah seorang hamba di sisi Allah Yang Maha Berkuasa. Junjunglah kurniaan Ilahi ini dengan penuh

## MANDAT DAN ASPIRASI

Dakwah berperanan untuk menyerahkan gambaran Islam yang sebenar.


tanggungjawab – penuh keinsafan akan akauntabiliti yang lebih besar terhadap Allah Subhanahu Wata’ala ketika kita semua dihimpunkan pada Hari Kebangkitan seperti peringatan yang terkandung dalam ayat 9 *Surah Ali ‘Imran* bermaksud:

*“Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkaulah yang akan menghimpulkan sekalian manusia untuk (menerima balasan pada) suatu hari (hari kiamat) yang tidak ada syak padanya; Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janji Nya.”*

Islam adalah agama yang membawa risalah kebenaran dan menyeru umatnya kepada kebenaran. Firman Allah dalam ayat 104 *Surah Ali Imran* bermaksud:

*“Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebijakan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah yang mungkar; dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”*

Dakwah berperanan penting bukan sahaja untuk mengembangkan syi’ar Islam malah



## MANDAT DAN ASPIRASI

**Dakwah dalam bentuk perbuatan lebih berkesan daripada dakwah yang disampaikan secara lisan.**

**xxiv**

lebih penting untuk menyerlahkan gambaran Islam yang sebenar; Islam agama yang mementingkan perpaduan dan perdamaian; Islam agama yang menganjurkan kesederhanaan dan menolak keganasan; Islam agama yang menghormati perbezaan dan tidak memusuhi kelainan; Islam agama yang menegaskan keadilan dan menjunjung prinsip kesaksamaan.

Setiap umat Islam adalah pendakwah. Dakwah dalam bentuk perbuatan lebih berkesan daripada dakwah yang disampaikan secara lisan. Dakwah dalam bentuk perbuatan akan dapat memberikan contoh teladan untuk dapat dilihat secara nyata; ia lebih meyakinkan.

Dakwah Islamiah boleh dilakukan oleh setiap umat Islam dengan menyempurnakan tugas secara jujur - secara ikhlas, secara amanah – secara berintegriti, secara adil - secara saksama, secara ihsan - secara kemanusiaan; bersandarkan keinsafan bahawa setiap perbuatan yang dilakukan akan dicatat oleh Malaikat Kiraman Katibin seperti yang diperingatkan dalam ayat 10

## MANDAT DAN ASPIRASI

Impian persekutuan Islam: ‘satu utopia yang tidak mungkin berlaku’.

dan ayat 11 *Surah Ar-Ra’d*, ayat 80 *Surah Az-Zuchruf*, ayat-ayat 16, 17 dan 18 *Surah Qaaf*, serta ayat 10 *Surah Al-Infithaar*.

Sesungguhnya setiap niat - setiap perbuatan yang dilakukan secara terbuka atau terselindung akan dicatat oleh Malaikat Kiraman Katibin, catatan yang akan diperiksa dan diadili pada hari kebangkitan nanti. Setiap urusan kerja, setiap urus niaga, setiap janji, setiap timbangan, setiap ucapan kata akan dapat memenuhi agenda dakwah jika ia disempurnakan dengan amal yang bersandarkan niat semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata’ala selaras dengan peringatan yang terkandung dalam ayat 162 *Surah Al-An’aam* bermaksud:

*“Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku dan ibadat ku, hidup ku dan mati ku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam.”*

Islam adalah agama besar dengan bilangan penganut yang ramai dan umat Islam tersebar di serata pelosok dunia dalam kawasan geografi yang tersebar luas. Secara

**Persekutuan Islam  
yang berdaulat,  
bertenaga membuat  
keputusan bagi pihak  
dan untuk kepentingan  
umat Islam.**

## MANDAT DAN ASPIRASI

hipotetikal, jika 57 negara anggota *Organization of Islamic Cooperation* berjaya dicantumkan menjadi sebuah persekutuan Islam; maka persekutuan tersebut akan memiliki keluasan geografi yang lebih besar daripada negara Russia, dengan bilangan penduduk mengatasi penduduk di negara China dan saiz ekonomi yang mengatasi negara Jepun.

Persekutuan Islam tersebut akan memiliki cukup sumber pertanian untuk membekalkan makanan; persekutuan Islam tersebut memiliki cukup sumber modal dan kewangan untuk membiayai usaha-usaha pembangunan sosioekonomi ummah; pergabungan antara wilayah yang memiliki lebihan modal kewangan tetapi kekurangan sumber manusia dengan wilayah yang memiliki lebihan sumber manusia tetapi kekurangan modal kewangan dalam persekutuan Islam tersebut akan membolehkan berlakunya pertumbuhan ekonomi yang rancak.

Persekutuan Islam tersebut turut berpotensi memiliki angkatan pertahanan dan


## MANDAT DAN ASPIRASI

**Umat Islam yang terjajah mindanya gagal berfikiran besar, terperangkap dalam kotak minda yang sempit.**

ketenteraan yang menggerunkan.

Persekutuan Islam tersebut akan merupakan sebuah entiti berdaulat, bertenaga membuat keputusan bagi pihak dan untuk kepentingan umat Islam, berupaya menetapkan norma dan menyuntik nilai Islam dalam sistem politik, sistem ekonomi, sistem perdagangan dan sistem sosial dunia. Persekutuan Islam tersebut ketika ini merupakan satu impian - satu harapan, malah dalam minda hampir keseluruhan umat Islam persekutuan itu merupakan satu utopia yang tidak mungkin berlaku.

Demikian status ketidakyakinan minda umat Islam pada hari ini; lalu umat Islam kehilangan peluang untuk merealisasikan satu impian besar; demikian kos melepas yang perlu dibayar oleh umat Islam apabila umat Islam gagal berfikiran besar, terperangkap dalam kotak minda yang sempit disebabkan telah diasuh berfikiran kecil akibat berlakunya penjajahan minda; berbanding dengan tahap keyakinan yang dimiliki oleh Sultan Muhammad Al-Fateh hingga berjaya menakluki Konstantinopel,



## MANDAT DAN ASPIRASI

xxviii

**Yakinlah bahawa  
kuasa Ilahi tidak ada  
tandingannya.**

Pelan Strategik 2016—2021

lalu ditukarkan namanya kepada Istanbul yang kemudiannya diisytiharkan sebagai ibu kota Daulah Uthmaniyyah pada tahun 1457.

Kemerdekaan negara dan kemerdekaan bangsa secara politik tidak menjamin bahawa ia secara automatik turut disusuli dengan kemerdekaan minda untuk membolehkan ummah berani berfikiran besar.

Ummah gagal mentafsir secara analitis – secara strategik, muslihat yang tersebunyi di sebalik ciptaan Ilahi yang menyebarkan umat Islam menghuni di serata pelosok benua, dikurniakan pelbagai sumber kekayaan yang ditaburkan di setiap sudut dunia.

Ummah gagal mendalamai malah meragui akan janji Allah Yang Maha Kuasa yang memungkinkan berlakunya segala kejadian. Ramai ummah membaca *Surah Yassin*; dijadikan amalan dibaca pada setiap malam Jumaat, dalam majlis tahlil, di sisi insan berkeadaan nazak, di tanah perkuburan dengan memohon ganjaran daripada

## MANDAT DAN ASPIRASI

bacaannya dihadiahkan kepada roh mereka yang telah berada dalam alam barzakh, dan ketika ummah memohon agar Allah memakbulkan sesuatu hajat.

Namun, inti pati utama yang terkandung dalam *Surah Yassin* amat sedikit difahami, jauh daripada dihayati apatah lagi untuk diyakini akan rahsia dan muslihat kalam Ilahi seperti yang terkandung dalam maksud ayat 81 dan 82:


*“Dan tidakkah Tuhan yang menciptakan langit dan bumi itu berkuasa menciptakan kembali jasad-jasad mereka yang sudah hancur itu? Benar. Dia berkuasa. Dan Dialah Maha Pencipta lagi Maha Mengetahui.*

xxix

*Sesungguhnya perintah Nya, apabila dia menghendaki sesuatu hanyalah Ia berfirman kepadanya: ‘Jadilah’; maka terjadilah ia.”*

Terkandung dalam hadis-hadis Rasulullah sallallahu alaihi wassalam yang mengutamakan pembacaan *Surah Al Kahfi* terutamanya pada malam dan siang hari

*Inti pati dalam al-Quran amat sedikit difahami, jauh daripada dihayati.*



## MANDAT DAN ASPIRASI

Kuasa Ilahi  
memungkinkan  
berlakunya pelbagai  
keajaiban yang  
merentasi logika  
pemikiran insan.

XXX

Pelan Strategik 2016—2021

Jumaat. *Surah Al Kahfi* diturunkan di Mekah, mengandungi 110 ayat. Ayat 9 hingga ayat 26 menceritakan perihal Ashaab’ul-Kahfi, kekuasaan Ilahi memakbulkan doa serombongan anak muda yang berselindung di dalam gua lalu memohon rahmat, kemudahan serta pimpinan Ilahi untuk keselamatan agama mereka.

Allah Subhanahu Wata’ala memakbulkan doa mereka lalu mereka ditidurkan selama 300 tahun menurut kiraan tahun Syamsiyah atau 309 tahun menurut kiraan tahun Qamariyah.

Terkandung dalam surah yang sama, kisah Nabi Musa alaihissalam dan Nabi Khidir alaihissalam sebagai bukti kekuasaan Allah mengurniakan ilmu pengetahuan kepada sesiapa yang dikehendaki Nya.

Diceritakan perihal Zu'l Qarnain, seorang raja yang beriman lagi soleh, bijaksana dan memerintah dengan adil dan telah mendirikan tembok besi yang kukuh untuk menyekat kemaraan kaum Ya'juj dan Ma'juj.

## MANDAT DAN ASPIRASI

Membangunkan  
masyarakat yang  
mengamalkan budaya  
berpaksikan al-Quran.

Kuasa Ilahi yang tidak ada tandingannya, memungkinkan berlakunya pelbagai keajaiban yang merentasi logika pemikiran insan biasa.

*Surah Al Fil* menceritakan peranan burung Abaabii'l yang didatangkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala lalu melemparkan batu yang berasal dari tanah yang terbakar kepada tentera bergajah dari Yaman di bawah pimpinan Abrahah yang mahu meruntuhkan Kaabah.

Perihal Nabi Ibrahim alaihissalam yang tidak boleh dibakar api, perihal Nabi Yunus alaihissalam yang tidak mati berada dalam perut ikan paus, perihal Nabi Nuh alaihissalam ketika menghadapi banjir besar, adalah antara contoh kebesaran Ilahi yang rahmat dari Nya dilimpahkan kepada hamba-hamba yang yakin kepada seruan dan perintah Nya.

Al-Quran kitab agung; setiap huruf, setiap perkataan, setiap ayat adalah dari Allah Subhanahu Wata'ala. Alhamdulillah, umat Islam di negara ini meletakkan nilai yang

xxx

**Al-Quran adalah kitab yang sarat dengan khazanah ilmu tetapi sedikit sekali diselami oleh umat Islam pada hari ini.**

## **MANDAT DAN ASPIRASI**

amat penting lagi tinggi kepada al-Quran. Setiap keluarga Islam mengambil tanggung jawab mengajar anak-anak untuk boleh membaca al-Quran sehingga khatam 30 juzuk. Anak-anak diasuh menghafal surah tertentu untuk dibaca dalam solat. Anak-anak dibimbing untuk membaca al-Quran dengan tajwid yang betul, digalakkan untuk melagukan bacaan dengan kemerduan suara yang menyentuh kalbu.

Dalam kalangan mereka, telah lahir para hafiz yang berjaya menghafal keseluruhan 114 surah. Para hafiz berperanan penting sebagai pemelihara dan pelindung untuk menentukan kesahihan dan keaslian ayat-ayat al-Quran terpelihara daripada sebarang pindaan yang mahu dilakukan oleh mana-mana pihak.

Langkah Kerajaan beta menubuhkan pusat tahfiz di setiap daerah, semoganya dapat melahirkan lebih ramai hafiz dan amat bertepatan dengan wawasan untuk membangunkan masyarakat yang mengamalkan budaya berpaksikan al-Quran.

## MANDAT DAN ASPIRASI

**Minat mempelajari dan minat mengkaji al-Quran perlu dihidupkan dalam hati setiap ummah sehingga terbentuknya rasa kasih dan rasa cinta kepada al-Quran dan terbinanya budaya mempelajari al-Quran sepanjang hayat.**

Al-Quran adalah kitab yang sarat dengan khazanah ilmu tetapi sedikit sekali diselami oleh umat Islam pada hari ini.

Setelah ibu bapa dan para guru berjaya menyempurnakan tanggung jawab melahirkan masyarakat yang celik al-Quran dan setelah pelbagai individu dan institusi berjaya melahirkan barisan para hafiz, aspek meningkatkan pemahaman dan penghayatan al-Quran kini wajib dirintis secara lebih aktif. Al-Quran bukan sekadar kitab untuk dibaca, ayat-ayat al-Quran tidak sekadar untuk dihofal.

Kandungan al-Quran wajib difahami, wajib dikaji, wajib diselami; diterokai khazanah ilmu yang tersirat di sebalik yang tersurat hingga ummah menemui mutiara berharga yang terkandung di dasar kitab, lalu dijadikan pakaian ummah ketika menyempurnakan tugas dan tanggung jawab terutama dalam memenuhi amanah mengurus tadbir negara dan menjalankan urus niaga.

**xxxiii**

## **Pemahaman, apresiasi, penghayatan dan amalan al-Quran.**

# **MANDAT DAN ASPIRASI**

Daripada 6,238 ayat al-Quran, 228 daripadanya menyentuh perkara-perkara awam berkaitan ekonomi, undang-undang dan susun atur sosial yang wajib dijadikan rujukan oleh setiap umat Islam agar roh Islam dapat dijelmakan dalam atur urusan dunia.

Umat Islam wajib didampingkan dan masyarakat umum wajib difahamkan dengan kandungan al-Quran. Al-Quran pada hari ini kelihatan berperanan sampingan disebabkan pembelajaran al-Quran sering kali berakhir pada tahap penguasaan membaca dan menghafal.

Untuk menyuntik roh Islam dan untuk membangunkan sistem pentadbiran berlandaskan al-Quran, kaedah pengajaran AlQuran wajib disusun semula, direkayasa, beralih daripada sifat terburu-buru mahukan anak-anak segera khatam 30 juzuk kepada kaedah yang lebih lengkap dengan turut memberi fokus kepada aspek-aspek pemahaman, apresiasi, penghayatan dan amalan.

## MANDAT DAN ASPIRASI

Minat mempelajari dan minat mengkaji al-Quran perlu dihidupkan dalam hati setiap ummah sehingga terbentuknya rasa kasih dan rasa cinta kepada al-Quran dan terbinanya budaya mempelajari al-Quran sepanjang hayat.

Beta telah disembah maklum bahawa Jabatan Agama Islam Perak bersama Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah sedang melakukan kajian keberkesanan program Kelas al-Quran dan Fardu Ain.

Usaha tersebut amatlah bertepatan untuk membolehkan penganjur program mendapat maklum balas akan tahap keberkesanan dan pencapaian berbanding objektif dan sasaran.

Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak hendaklah meneliti hasil kajian tersebut, lalu dijadikan asas untuk merangka satu pendekatan baru, format pengajaran dan pembelajaran al-Quran yang turut memberi fokus kepada aspek-aspek pemahaman dan penghayatan.

Majlis wajar menujuhan satu kumpulan kerja untuk merangka format pengajaran

XXXV

Kumpulan Kerja untuk  
merangka pengajaran  
dan pembelajaran al-  
Quran yang lebih  
dinamik.

**Acara-acara yang dianjurkan oleh istana dan kerajaan beta hendaklah dimulakan dengan membaca beberapa petikan ayat al-Quran, dikembarkan dengan maksud ayat yang dibaca.**

## **MANDAT DAN ASPIRASI**

dan pembelajaran al-Quran yang lebih dinamik, merangkumi komponen-komponen analisis, strategik, saintifik, falsafah serta salah-silah dan latar belakang penurunan sesuatu wahyu. Keanggotaan kumpulan kerja ini hendaklah bersifat representatif, mewakili pelbagai konstituen agar kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih komprehensif dan relevan dengan situasi semasa dapat diformulasikan.

Sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan apresiasi ummah begitu juga sebagai usaha untuk menangani sebarang salah faham masyarakat umum terhadap al-Quran, beta dengan ini menitahkan seboleh-bolehnya dalam situasi yang sesuai, acara-acara yang dianjurkan oleh istana dan kerajaan beta hendaklah dimulakan dengan membaca beberapa petikan ayat al-Quran, dikembarkan dengan maksud ayat yang dibaca. Ayat yang dipilih tidak perlu panjang tetapi ayat-ayat tersebut hendaklah terdiri daripada ayat-ayat yang ada kaitan dengan sesuatu acara yang dianjurkan.

## MANDAT DAN ASPIRASI


Ulama dan umara berfikiran besar dan keluar daripada kepompong penjajahan pemikiran bagi membangunkan taraf sosioekonomi umat Islam di samping melindungi kesucian Islam.

Ahli-ahli Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak hendaklah berfikiran besar, membawa Majlis keluar dari kotak sempit yang boleh menyekat Majlis berperanan secara lebih dinamik lagi bermakna.

Majlis hendaklah keluar dari kepompong pemikiran lama, kepompong pemikiran yang telah diformulasikan secara terancang oleh penjajah di masa lalu yang bertujuan mahu membatasi peranan Majlis.

Majlis hendaklah peka dan berperanan sebagai penyemak dan pengimbang, turut menghalusi dasar-dasar negara dan pelaksanaan dasar, terutama perkara-perkara pokok yang termaktub dalam Perlembagaan menyentuh agama Islam, kedudukan orang Melayu, bahasa Melayu dan institusi Raja Melayu.

Majlis hendaklah berperanan aktif membantu dan memperlengkap usaha-usaha negara untuk membangunkan taraf ekonomi, taraf pendidikan dan taraf sosioekonomi ummah dengan memberi fokus kepada



## MANDAT DAN ASPIRASI

xxxviii

Beta berkeyakinan ahli-ahli Majlis yang memiliki pelbagai khazanah pengetahuan, kepakaran dan pengalaman dapat memenuhi amanah dan tanggung jawab secara berkesan lagi produktif.

usaha-usaha pembangunan modal insan dan modal sosial.

Majlis hendaklah memperkuatkan kedudukan kewangan, bersedia memenuhi peranan sebagai pemegang amanah kepada institusi pendidikan, tabung kewangan dan hartanah strategik umat Islam.

Ketika menzahirkan titah di *Kongres Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia* pada 26 September 2011, beta telah menzahirkan saranan agar majlis agama Islam negeri dipertingkatkan keupayaan untuk membolehkan Majlis menghadapi tugas dan tanggung jawab yang lebih mencabar.

Antara saranan yang beta zahirkan di kongres tersebut menyentuh keanggotaan Majlis agar lebih representatif dengan bilangan yang cukup dan daripada kalangan yang memiliki pelbagai kemahiran untuk menjadi tenaga penggerak, berupaya melaksanakan aktiviti-aktiviti ekonomi, perniagaan, perdagangan dan pendidikan dalam hasrat membangunkan taraf

## MANDAT DAN ASPIRASI

sosioekonomi umat Islam di samping melindungi kesucian Islam.

Ahli-ahli Majlis yang dilantik pada pagi ini terdiri daripada gabungan ulama dan umara yang memiliki khazanah pengetahuan, kepakaran dan pengalaman yang beta berkeyakinan dapat memenuhi amanah dan tanggung jawab secara berkesan lagi produktif.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberikan petunjuk dan hidayah memandu kita ke jalan yang lurus:

xxxix

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ

Wabillahi taufik,  
walhidayah,  
wassalamualaikum  
warahmatullahi  
wabarakatuh.



## RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik 2016—2021 Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak merupakan ikhtiar bagi merealisasikan mandat dan aspirasi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bagi memajukan ummah dan melindungi kesucian syi’ar Islam.

Mandat yang menjadi paksi pelan ini ialah kesucian syi’ar Islam, kedaulatan Raja-raja Melayu, ketuanan dan hak istimewa orang Melayu, dan keutuhan undang-undang Islam. Manakala aspirasi yang menjadi hala tuju pelan ini ialah pemerkasaan individu, organisasi dan ummah menerusi pendidikan; dan kemajuan sosioekonomi individu, keluarga, komuniti dan ummah menerusi penyertaan aktif dalam prakarsa ekonomi.

Berdasarkan mandat dan aspirasi tersebut, tujuan inisiatif dan tumpuan tindakan pelan ini ialah ketinggian syi’ar Islam, pendidikan untuk mentransformasi ummah dan kemajuan ekonomi untuk kesejahteraan.

Selanjutnya pelan ini menggariskan strategi untuk dilaksanakan dalam tempoh enam tahun, dari 2016 hingga 2021, yang dibahagikan kepada dua fasa: fasa taktikal (2016—2018) dan fasa lonjakan (2019—2021).

Strategi yang digariskan itu bertujuan menjuruskan pelan tindakan MAIPk ke arah 10 dimensi strategik yang meliputi empat bidang strategik. Ekhibit berikut memperlihatkan bidang-bidang strategik tersebut serta dimensi strategik bagi setiap bidang dan strategi tindakan bagi setiap dimensi yang dikenal pasti.

Bersambung di dalam.




Pelan Strategik 2016—2021



## RINGKASAN EKSEKUTIF

BIDANG STRATEGIK I: KEUTUHAN MANDAT		
DIMENSI STRATEGIK	STRATEGI	TINDAKAN
1. SYI'AR ISLAM	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Menggiatkan gerakan dakwah dan penataran al-Quran.</li> <li>2. Melibatkan entiti masyarakat sivil dalam gerakan dakwah dan penataran al-Quran.</li> <li>3. Merekayasa daya upaya masjid sebagai pusat kesejahteraan komuniti.</li> <li>4. Memasyarakatkan masjid.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Mewujudkan jalinan dan jaringan dengan NGO dalam usaha dakwah Islam, penataran maklumat yang benar dan pematahan pemikiran ummah.</li> <li>ii) Menghubungkan dan melaksanakan kurikulum pengajian al-Quran yang meliputi tahap celiac al-Quran, faham al-Quran, apresiasi al-Quran dan penghargayaan al-Quran dalam kehidupan.</li> <li>iii) Membina daya upaya sumber manusia masjid secara tersusun dan berterusan supaya mampu menggunakan kaedah pengurusan moden dan berupaya mengupas isu-isu semasa dengan tepat lagi berkesan.</li> <li>iv) Menjadikan masjid dan sumber manusia masjid sebagai pembimbing dan perunding cara kesejahteraan keluarga.</li> <li>v) Menjadikan masjid sebagai pusat pembelajaran, pusat kegiatan sosial dan rakan ekonomi komuniti.</li> <li>vi) Menggunakan pelbagai saluran media baharu serta melibatkan pelbagai entiti masyarakat sivil bagi menjelaskan pelbagai isu yang mengelirukan umat Islam.</li> </ul>
2. KEDAULATAN RAJA-RAJA MELAYU	<ul style="list-style-type: none"> <li>2.1. Memperteguh integriti MAIPk sebagai jurucakap dan penjulang kedaulatan Raja-raja Melayu.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Memperteguh jalinan, kesatuan pemikiran dan kesatuan suara ulama, umara, cendekiawan dan ahli profesional sebagai kelompok advokasi institusi Raja-raja Melayu.</li> <li>ii) Mendidik masyarakat, khususnya umat Islam, tentang kedudukan dan kepentingan tanggungjawab Raja-raja Melayu sebagai ketua negeri dan ketua agama Islam.</li> <li>iii) Menatarkan mandat dan aspirasi Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, khususnya dalam aspek yang berkaitan dengan syiar Islam dan kesejahteraan hidup umat Islam dalam negeri Perak.</li> <li>iv) Merealisasikan maksud Resolusi Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah 2016.</li> </ul>
3. HAK ISTIMEWA ORANG MELAYU	<ul style="list-style-type: none"> <li>3.1. Memperteguh integriti MAIPk sebagai penggerak kepentingan orang Melayu dan penggerak usaha melonjakkan strata sosioekonomi orang Melayu.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Menggerakkan usaha jangkauan bantuan terhadap orang Melayu dalam bidang pendidikan, perdagangan dan perindustrian.</li> <li>ii) Meningkatkan ketepakan (<i>visibility</i>) dan kerespersifan (<i>responsiveness</i>) dalam isu yang melibatkan kepentingan dan kemampuan orang Melayu.</li> <li>iii) Meningkatkan ekuiti orang Melayu dalam sektor ekonomi, khususnya dalam bidang perdagangan, perindustrian dan perkhidmatan.</li> <li>iv) Membekaskan keluarga orang Melayu yang terperangkap dalam belenggu kemiskinan dan kemunduran.</li> </ul>
4. KEUTUHAN UNDANG-UNDANG ISLAM	<ul style="list-style-type: none"> <li>4.1. Memperteguh sistem perundangan dan memperkemas undang-undang yang sedang berkua kuasa supaya memenuhi tuntutan syariat syari'iyah.</li> <li>4.2. Memantapkan pentadbiran dan pelaksanaan undang Islam.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Mewujudkan Enakmen Mahkamah Syariah (Perak), Mahkamah Keluarga dan Jabatan Pendakwaan Syariah.</li> <li>ii) Menyemak dan memperkemas <i>Enakmen Tatacara Mal</i> dan <i>Enakmen Tatacara Jenayah</i> bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian keadilan.</li> <li>iii) Mewujudkan sistem keadilan empat peringkat mahkamah syariah: mahkamah rendah, mahkamah tengah, mahkamah tinggi dan mahkamah rayuan.</li> <li>iv) Meningkatkan kompetensi hakim mahkamah syariah menerusi program pembangunan profesional berterusan dan pendedahan terhadap pelaksanaan keadilan di institusi kehakiman di negara-negara lain.</li> <li>v) Melaksanakan program mahkamah 'SMART' (<i>Syariah Compliance, Mastery, Accountability, Respectable and Technology</i>).</li> </ul>

xliii



## RINGKASAN EKSEKUTIF


BIDANG STRATEGIK II: MEMPERKASAKAN MAIPk		
DIMENSI STRATEGIK	STRATEGI	TINDAKAN
5. KELESTARIAN SUMBER	<ul style="list-style-type: none"> <li>5.1. Mewujudkan asset baru MAIPk sebanyak RM1 bilion dalam tempoh enam tahun.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Merealisasikan misi PKEINPk Sdn. Bhd. (PSB) bagi meningkatkan nilai pemegang saham dan menambahkan asset MAIPk.</li> <li>ii) Meluaskan dan mempelbagaikan saluran pungutan zakat supaya meliputi rakyat Perak di seluruh negara dan entiti korporat yang menjalankan perusahaan di Perak.</li> <li>iii) Mengangkat daya upaya sumber manusia institusi pendidikan Islam.</li> <li>iv) Mewujudkan entiti khas pungutan zakat.</li> <li>v) Membangunkan skim latihan lanjutan dan melaksanakan program pembangunan profesional berterusan untuk pentadbiran dan pendidikan institusi pendidikan Islam, khususnya dalam aspek pedagogik, kurikulum, kepimpinan dan komunikasi.</li> <li>vi) Membangunkan tanah wakaf menerusi kolaborasi dengan kerajaan tempatan dan pemaju hartanah.</li> <li>vii) Menyediakan/mentransformasi kurikulum pendidikan Islam dengan menerapkan unsur kemahiran berfikir aras tinggi dan daya fikir konstruktif.</li> <li>viii) Meneroka bidang baharu menerusi pelaburan dalam syarikat berdaya maju.</li> </ul>
6. KEAMPUHAN DAYA UPAYA ORGANISASI	<ul style="list-style-type: none"> <li>2.1. Merekayasa organisasi dengan mempertingkatkan daya upaya sumber manusia, memperteguh struktur dan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengurusan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Memperteguh sistem dan menyemarakkan budaya kerja berprestasi tinggi.</li> <li>ii) Merencana dan melaksanakan program pembangunan profesional berterusan dalam aspek pengurusan korporat, pengurusan pelanggan, pengurusan projek dan keterampilan komunikasi.</li> <li>iii) Mereka daya upaya institusi tahfiz supaya mampu melaksanakan kurikulum tahfiz al-Quran yang mengandungi deskripsi lulusan yang memahami, mengapresiasi dan menghayati al-Quran pada peringkat diri, keluarga, pekerjaan dan amalan profesional, dan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.</li> <li>iv) Menyediakan guru institusi tahfiz yang berupaya menerapkan nilai dan ruh al-Quran serta mampu merangka kekeliruan dalam masyarakat tatkala melaksanakan kurikulum tahfiz al-Quran.</li> <li>v) Mengkaji dan memperakarkan penggunaan perkakasan dan perisian teknologi maklumat dan komunikasi yang relevan dengan keperluan organisasi.</li> <li>vi) Merekayasa daya upaya institusi tahfiz supaya mampu melaksanakan kurikulum tahfiz yang terhasil daripada tindakan (i), menggembangkan tenaga guru institusi tahfiz seoptimumnya yang terbentuk daripada tindakan (ii) dan memanfaatkan sumber yang disediakan secekapnya.</li> </ul>

BIDANG STRATEGIK III: PENDIDIKAN MEMBANGUNKAN UMMAH		
DIMENSI STRATEGIK	STRATEGI	TINDAKAN
7. PEMBINAAN KETERAMPILAN DAN PEMAJUAN DAYA FIKIR ABAD KE-21	<ul style="list-style-type: none"> <li>7.1. Merekayasa dan memposisikan semula institusi pendidikan Islam.</li> <li>7.2. Mengangkat daya upaya sumber manusia institusi pendidikan Islam.</li> <li>7.3. Membangunkan kurikulum untuk pembinaan sahsiah, pemajuan daya fikir dan penajaman daya saing.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Menjadikan KUISAS puncak pendidikan Islam, mata arah pelajar institusi pendidikan Islam peringkat menengah, dan institusi perkaderan graduat berketerampilan global serta berdaya keusahawanan.</li> <li>ii) Mentransformasi Sekolah Menengah Agama Negeri premier kepada kolej yang menawarkan pengajian peringkat prauniversiti, pengajian profesional dan pengajian prasiswazah.</li> <li>iii) Membangunkan skim latihan lanjutan dan melaksanakan program pembangunan profesional berterusan untuk pentadbiran dan pendidikan institusi pendidikan Islam, khususnya dalam aspek pedagogik, kurikulum, kepimpinan dan komunikasi.</li> <li>iv) Mewujudkan entiti khas pungutan zakat.</li> <li>v) Membangunkan tanah wakaf menerusi kolaborasi dengan kerajaan tempatan dan pemaju hartanah.</li> <li>vi) Menyediakan kurikulum untuk memantapkan sahsiah dan membangunkan daya saing lulusan sebagai warga dunia abad ke-21.</li> </ul>

BIDANG STRATEGIK IV: KEMAJUAN EKONOMI & KESEJAHTERAAN		
DIMENSI STRATEGIK	STRATEGI	TINDAKAN
9. PEMAJUAN USAHAWAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>9.1. Meningkatkan daya maju usahawan perdagangan dan perindustrian.</li> <li>9.2. Mengembangkan harta wakaf.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Menggerakkan kolaborasi serta mengkaji cara-cara bagi memajukan usahawan kecil dan sederhana dalam bidang perdagangan, pembuatan dan perindustrian.</li> <li>ii) Menyediakan pusat niaga, median industri pembuatan, modal permutlaan dan khidmat bimbingan kepada usahawan kecil dan sederhana.</li> <li>iii) Menubuhkan entiti pengurusan dan pemajuan harta wakaf untuk mengusahakan harta wakaf sehingga dapat menjana nilai semaksimumnya.</li> <li>iv) Menyburukkan budaya mewakaf harta untuk manfaat pendidikan dan pemajuan daya keusahawanan ummah dalam bidang ekonomi.</li> <li>v) Membangunkan dan melaksanakan kurikulum tahfiz al-Quran yang mengandungi deskripsi lulusan yang memahami, mengapresiasi dan menghayati al-Quran pada peringkat diri, keluarga, pekerjaan dan amalan profesional, dan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.</li> <li>vi) Menyediakan guru institusi tahfiz yang berupaya menerapkan nilai dan ruh al-Quran serta mampu merangka kekeliruan dalam masyarakat tatkala melaksanakan kurikulum tahfiz al-Quran.</li> </ul>

10. KESEJAHTERAAN SOSIOEKONOMI KELUARGA		
DIMENSI STRATEGIK	STRATEGI	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>10.1. Memaksimumkan impak agihan zakat bagi mengeluarkan umum daripada belenggu kemiskinan dan kemundur.</li> <li>10.2. Mentransformasi masjid sebagai pusat kemajuan sosioekonomi komuniti.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Merencana dan menggerakkan penyertaan penerima zakat dalam kegiatan perdagangan dan perindustrian mikro secara tersusun, terimbang dan berkelompok.</li> <li>ii) Menyediakan skim latihan kemahiran dan latihan keusahawanan kepada penenerima zakat sehingga mereka menjadi pekerja mahir atau usahawan mikro.</li> <li>iii) Menggembangkan sumber manusia dan prasarana masjid supaya berperanan sebagai pusat eksibisi dan pusat promosi produk komuniti kepada usahawan perdagangan.</li> </ul>

xliv





## JATI DIRI MAIPk

### PENGENALAN

Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak, ringkasnya MAIPk, ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Perak pada 1 Muharam 1369 bersamaan 23 Oktober 1949.

Penubuhan MAIPk selaras dengan kuasa yang termaktub dalam *Undang-Undang Tubuh Negeri Perak (1948)* seperti berikut:

*"Kepala Ugama negeri ini ialah Yang Maha Mulia, dan Yang Maha Mulia akan memerintah supaya diadakan Undang-undang untuk mengaturkan perkara-perkara ugama dan menubuhkan sebuah Majlis Ugama Islam dan ‘adat Melayu bagi menolong dan menasihatkan Yang Maha Mulia berkenaan dengan perkara-perkara yang bersabit dengan Ugama Negeri ini dan adat Melayu."*

3

Selanjutnya jati diri MAIPk dipermantapkan oleh Kerajaan Negeri Perak menerusi *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004*, *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) (Pindaan) 2005*, *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) (Pindaan) 2009*, dan *Enakmen Pentadbiran*

**Majlis bagi menolong  
dan menasihatkan  
Sultan Perak  
berkenaan perkara  
yang bersabit dengan  
agama Islam dan adat  
Melayu.**

# JATI DIRI MAIPk

## PENGENALAN *Agama Islam (Perak) (Pindaan) 2012.*

Antara unsur utama jati diri MAIPk:

- ◆ Membantu dan menasihati Duli Yang Mulia Sultan Perak dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.
- ◆ Pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun.
- ◆ Berkewajipan menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat Islam dalam negeri Perak selaras dengan hukum syarak.
- ◆ Pemegang hak dan pentadbir semua wang dan harta dalam Baitulmal.
- ◆ Berkuasa memungut zakat dan fitrah dalam negeri Perak serta mentadbir dan mengagihkannya.
- ◆ Pemegang amanah yang tunggal bagi wakaf, nazar dan amanah bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang Islam dalam negeri Perak.

**Majlis yang  
berkewajipan  
melestarikan  
kemajuan ekonomi  
dan kesejahteraan  
ummah.**

4

# JATI DIRI MAIPk

## PENGENALAN

**Pemantapan jati diri MAIPk yang terbit daripada azam para pemerintah untuk memartabatkan syi'ar Islam dan meningkatkan kemuliaan umat Islam.**

- ♦ Pemegang amanah tunggal bagi semua masjid dalam negeri Perak.
- ♦ Dipimpin oleh Yang Dipertua serta anggota yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak.

Jati diri tersebut direalisasikan dalam pelbagai usaha, inisiatif, program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh organisasi MAIPk yang diketuai oleh ketua pegawai eksekutif berdasarkan ketetapan yang dirumuskan oleh MAIPk. Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak.

Sebenarnya penubuhan dan pemantapan jati diri MAIPk berkembang daripada susur galur sejarah yang panjang. Sejarah yang terbit daripada azam murni berterusan para pemerintah negeri Perak yang bertekad memartabatkan syi'ar Islam dan meningkatkan kemuliaan umat Islam dalam negeri Perak. Azam tersebut dimaktubkan dengan nyatanya dalam *Perjanjian Pangkor 1874* yang menetapkan segala perkara berhubung hal ehwal agama Islam dan adat

# JATI DIRI MAIPk

## PENGENALAN

Melayu diletakkan dalam bidang kuasa Raja Melayu. Dengan demikian Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak menjadi ketua agama Islam dan adat Melayu yang berkuasa penuh dalam negeri Perak.

Organisasi yang terawal, yang akhirnya berkembang menjadi MAIPk, ialah Balai Syara' yang ditubuhkan sebagai ibu pejabat pentadbiran agama Islam pada tahun 1900 bagi menguatkuasakan *Undang-Undang Pentadbiran Perkahwinan Orang-Orang Islam Bab 197 Negeri-Negeri Melayu Bersekutu*. Balai Syara' diketuai oleh kadi besar dan dianggotai oleh kadi-kadi wilayah. Selanjutnya, pada tahun 1917, Komiti Quran Perak dan Komiti Syari'ah Negeri Perak ditubuhkan. Komiti Quran bertanggungjawab memaju, mengawal dan memantau pengendalian pengajaran agama Islam; manakala Komiti Syari'ah pula bertanggungjawab dalam hal ehwal kemajuan dan pentadbiran agama Islam secara umum.

Gerakan permuafakatan alim ulama dalam Balai Syara', Komiti Quran dan Komiti

**Benih yang disemai  
oleh pemerintah yang  
berpandangan jauh  
disuburkan oleh alim  
ulama menerusi  
permuafakatan dan  
perjuangan yang  
ikhlas.**

6

# JATI DIRI MAIPk

## PENGENALAN

Idea penubuhan Majlis yang berkembang segar di Kuala Kangsar dimaktubkan dalam *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak.*

Syari'ah telah mencambahkan cita-cita bagi mewujudkan wadah tunggal yang lebih mantap demi memartabatkan syi'ar Islam dan memajukan umat Islam dalam negeri Perak.

Cita-cita tersebut menjadi kenyataan apabila alim ulama berkumpul dan bermusyawarah pada 10 Ogos 1947 di Madrasah Iskandariah, Kuala Kangsar. Perkumpulan dan permusyawarahan tersebut mencetuskan idea bernas bagi menubuhkan sebuah pusat agama secara rasmi untuk mentadbir hal ehwal agama Islam dalam negeri Perak.

Idea bernas itu kemudiannya dimaktubkan sebagai satu frasa dalam *Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak (1948)* pada 21 Januari 1948 dan dikuatkuasakan pada 1 Februari tahun yang sama. Frasa tersebut menetapkan supaya ditubuhkan ‘Majlis Agama Islam dan ‘adat Melayu bagi menolong dan menasihatkan Yang Maha Mulia berkenaan perkara-perkara yang bersabit dengan Ugama Negeri dan ‘adat Melayu’.

Fajar abad ke –21 menyaksikan lonjakan jati diri Majlis sebagai perbadanan naungan pemerintah negeri Perak yang kekal turun -temurun demi ketinggian syi'ar Islam dan kemuliaan umah.

## JATI DIRI MAIPK

### PENGENALAN

Frasa yang menjadi punca kuasa penubuhan Majlis Ugama Islam itu akhirnya digarap sebagai undang-undang. Pada 1 Mei 1952, di bawah naungan pemerintah negeri Perak, Duli Yang Maha Mulia Sultan Yussuf Izzudin Shah Ghafarullahulah Ibni Almarhum Sultan Abdul Jalil Nasiruddin Al-Mukhataram Karamatullah Shah, serta pimpinan Menteri Besar Perak, Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja Dato' Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz, undang-undang khusus berhubung pentadbiran agama Islam dan adat Melayu Perak telah diluluskan dengan rasmi.

Setengah abad kemudian, pada 22 September 2004, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Azlan Muhibuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzudin Shah Ghafarullahulah berkenan mewartakan *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004* yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perak pada 21 Jun tahun yang sama.

Dengan pewartaan enakmen tersebut, MAIPk ‘menjadi sebuah pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun’ untuk

# JATI DIRI MAIPk

## PENGENALAN

Abad ke-21 membawa bersamanya realiti baharu yang menuntut mandat dan aspirasi baharu bagi diterjemahkan oleh Majlis menerusi strategi kerja yang lebih tekun dan lebuh tersusun.

‘membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam’ dan ‘menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam negeri Perak Darul Ridzuan selaras dengan Hukum Syarak’.

Bertolak daripada pemantapan jati diri dan pemerbadanan MAIPk tersebut, serta serlahan tekad bagi memartabatkan syi’ar Islam dan melonjakkan martabat umat Islam ke tahap yang lebih tinggi, khususnya dalam persekitaran realiti baharu sejagat yang semakin mencabar, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfurlah, pada 13 Februari 2015, menzahirkan mandat dan mengungkapkan aspirasi untuk diterjemahkan oleh MAIPk.

Mandat dan aspirasi tersebut bakal direalisasikan menerusi pelaksanaan *Pelan Strategik 2016–2021 Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak*.

# JATI DIRI MAIPk

## PENDUKUNG

MAIPk ialah institusi umat Islam negeri Perak. Justeru sifatnya sebagai institusi umat Islam, maka pendukung (*stake holder*) MAIPK merupakan seluruh umat Islam dalam negeri Perak, sama ada berbentuk individu, perkumpulan mahupun organisasi. Daripada sudut strategik, pendukung MAIPk dapat dikategorikan seperti berikut:

- ii) **Pemerintah Negeri Perak** iaitu Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak selaku ketua negeri dan ketua agama Islam negeri Perak.
- iii) **Kerajaan Negeri Perak** sebagai jentera pemerintahan negeri yang melaksanakan mandat pemerintah negeri dan aspirasi rakyat. Secara khusus, kategori ini meliputi Menteri Besar Perak dan Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Negeri Perak.
- iii) **Pentadbiran Negeri** sebagai jentera kerajaan negeri yang menggembang dan mengurus segala sumber negeri bagi melaksanakan dasar, inisiatif, program

## PENDUKUNG

### JATI DIRI MAIPk

dan aktiviti kerajaan negeri. Secara khusus, kategori ini meliputi Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, Pegawai Kewangan Negeri Perak, Jabatan Agama Islam Negeri Perak dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak.

iv) **Pendukung Dalaman** yang terdiri daripada Yang Dipertua MAIPk dan ahli-ahli Majlis serta Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk dan tenaga kerja organisasi MAIPk. Turut termasuk dalam kategori pendukung dalaman ialah semua entiti yang diwujudkan oleh MAIPk, sama ada entiti ekonomi dan niaga, institusi pendidikan, institusi agama mahupun entiti khidmat sosial.

v) **Pendukung Luaran** yang terdiri daripada pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan dan agensi Kerajaan Negeri Perak, pihak-pihak berkuasa kerajaan tempatan, firma swasta milik umat Islam, pertubuhan bukan kerajaan yang dipimpin dan dianggotai oleh umat Islam, pembayar zakat sama ada

## SEKUTU STRATEGIK

### PENDUKUNG

## JATI DIRI MAIPk

- organisasi atau individu, dan individu prihatin yang menyumbangkan wakaf, amanah, harta serta bakti kepada ketinggian syi'ar Islam serta kesejahteraan umat Islam.
- vi) **Pelanggan** yang terdiri daripada umat Islam seluruhnya, sama ada individu, keluarga atau perkumpulan individu. Secara khusus, termasuk dalam kategori ini ialah asnaf zakat, pelajar Muslim, usahawan mikro dan usahawan kecil Muslim, pendakwah, institusi pembela kesejahteraan anak-anak dan keluarga Muslim, dan institusi pendidikan dan penyelidikan yang khusus untuk kemajuan Islam dan umat Islam.

Justeru MAIPk merupakan salah sebuah institusi dalam ekosistem ‘Islam sebagai agama Persekutuan’, maka MAIPk juga mempunyai sekutu strategik yang dapat dimanfaatkan dalam penyempurnaan misinya. Sekutu strategik utama MAIPk:

# JATI DIRI MAIPk

## SEKUTU i) STRATEGIK

- ii) **Majlis Raja-Raja Melayu** yang terdiri daripada Raja-raja Melayu yang bertanggungjawab terhadap ketinggian syi'ar Islam dan kemuliaan umat Islam di seluruh negara.
- iii) **Kerajaan Persekutuan** yang pada masa ini diketuai oleh perdana menteri yang beragama Islam. Termasuk secara khusus dalam sekutu strategik ini ialah Perdana Menteri Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Yayasan Dakwah Islam Malaysia dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia.
- iv) **Lembaga Hasil Dalam Negeri** yang bertanggungjawab terhadap pentaksiran dan pemungutan cukai pendapatan dan cukai perniagaan.
- 13  
iv) **Firma Persekutuan** iaitu syarikat-syarikat milik dan yang berkaitan dengan Kerajaan Persekutuan, sama ada firma perusahaan mahupun firma pelaburan, khususnya syarikat yang memiliki cawangan atau menjalankan perusahaannya dalam negeri Perak.



## **SEKUTU STRATEGIK**

14

### **JATI DIRI MAIPK**

- Institusi Pengajian Tinggi Awam** meliputi universiti, kolej universiti, politeknik, institusi pendidikan guru dan institusi latihan kemahiran. Termasuk secara khusus dalam sekutu strategik ini ialah para penyelidik dan sarjana Muslim di institusi-institusi berkenaan.
- vi) **Institusi Pengajian Tinggi Swasta** milik pertubuhan atau usahawan Muslim.
- vii) **Kapten Industri** yang meliputi pemilik dan ketua eksekutif firma perusahaan, perdagangan dan pelaburan bertaraf nasional dan multinasional.
- viii) **Pertubuhan Islam** yang menghimpunkan ulama, cendekiawan Muslim dan pendakwah.
- ix) **Profesional Muslim** yang meliputi ahli-ahli profesional Muslim serta berdaftar sebagai pengamal dalam sesuatu bidang profesional seperti peguam, jurutera, akauntan dan arkitek.
- x) **Jurnalis Muslim** yang meliputi wartawan, penulis dan pemblog Muslim



## SEKUTU STRATEGIK

### JATI DIRI MAIPk

yang berkemahiran serta berkecimpung dalam bidang media cetak, media elektronik dan media maya.

- xii) **Ikon Sosial** yang meliputi selebriti, pembicara muda dan pakar motivasi Muslim yang menjadi pujaan para remaja dan belia. Termasuk dalam kalangan sekutu strategik ini ialah penulis buku bercetak, penulis buku maya, pemblog, *Facebooker* dan *Instagrammer* yang memiliki khalayak atau pengikut yang besar bilangannya.
- xiii) **Karyawan** iaitu penggiat seni, pelukis, penulis novel, penyair/penyajak serta seniman lain yang beragama Islam. Mereka ini mempunyai kebolehan serta bakat yang unik untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam kegiatan dan hasil seni masing-masing. Termasuk dalam kalangan sekutu strategik ini ialah animator yang berkecimpung dalam industri animasi kreatif. Industri ini semakin mendapat tempat dalam kalangan generasi muda abad ke-21.

# JATI DIRI MAIPk

## PENERAJU MAIPk Yang Dipertua

(Yang dipertua, ahli dan setiausaha MAIPk  
sesi 2015—2017.)

**Kekuatan Majlis:**  
gabungan ulama dan  
umara serta muafakat  
jurufikir dan  
jurutindak, berganding  
bahu menjulang  
mandat dan aspirasi  
murni pemerintah  
negeri.

Pelan Strategik 2016—2021

Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid bin  
Mohd. Noordin

### Ahli

Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Dato' Rohana binti Abdul Malek,  
Penasihat Undang-Undang Negeri Perak

Dato' Haji Mohd Ghazali bin Jalal,  
Pegawai Kewangan Negeri Perak

Dato' Drs. Mohd Nizar bin Haji Zakaria,  
Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam  
Negeri Perak

Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani  
bin Haji Zakaria, Mufti Negeri Perak

Tuan Haji Asa'ari bin Haji Mohd Yazid,  
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak

Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin,  
Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perak

Orang Kaya Temenggong Paduka Raja  
Dato' Seri Wan Mohd Fadzir bin Wan  
Husain, Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar

## JATI DIRI MAIPK

Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini,  
Ahli Dewan Negara Perak

Profesor Dato' Dr. Ansary  
bin Ahmed, Presiden/Ketua  
Eksekutif Asia e-University

Dato' Haji Md Salleh bin Haji  
Ahmad, Ahli Jawatankuasa Fatwa  
Negeri Perak

Dato' Mohamah Nor bin Mansor,  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri  
Perak

Tuan Haji As'ad bin Awang, Ahli  
Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak

Dato' Dr. Syed Jaafar bin Syed  
Aznan Jamalullail, Pengurus  
Perbadanan Kemajuan Ekonomi  
Islam Negeri Perak

Orang Kaya Kaya Imam Paduka  
Tuan Dato' Dr. Afifi al-Akiti, Felo  
Pusat Pengajian Islam Universiti  
Oxford, United Kingdom

Toh Seri Bijaya Lt. Kol. (B) Dato'  
Shaharudin bin Haji Nazari,  
Orang Besar Jajahan Manjung

Dato' (Dr.) Haji Abd Malek  
bin Awang Kechil, Presiden dan  
Pengerusi Lembaga Pemegang  
Amanah Yayasan Pembangunan  
Ekonomi Islam Malaysia

Tan Sri Dato' Profesor Dr. Nordin  
bin Kardi, Rektor Kolej Universiti  
Islam Sultan Azlan Shah

Dato' Seri Ismail bin Shahudin,  
Ahli Dewan Negara Perak

Komisioner Polis Dato' Haji Osman  
bin Haji Salleh,  
Ketua Polis Negeri Perak

Dato' Zainal Adzam bin Abd. Ghani,  
Ahli Dewan Negara Perak

17

### ***Setiausaha***

Dr. Amiruddin bin Muhammed,  
Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK








# MENJUNJUNG MANDAT

## MANDAT

Mandat dan aspirasi yang dizahirkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak dapat disimpulkan sebagai azam pemerintah negeri untuk '*memajukan ummah dan melindungi kesucian syi'ar Islam*'.

### Ekshibit 2.1 Intisari mandat dan aspirasi pemerintah negeri Perak.



## MENJUNJUNG MANDAT

**MANDAT** Paksi keazaman tersebut ialah syi'ar Islam. Dalam konteks ini, mandat yang dipikul oleh pemerintah negeri selaku ketua agama Islam ialah memelihara dan melindungi pegangan aqidah ummah terhadap Islam. Oleh itu kuasa dan tanggungjawab terhadap Islam wajib dipertahankan dan dikekalkan di bawah bidang kuasa Raja-raja Melayu. Bagi merealisasikan mandat tersebut usaha berterusan harus direncanakan secara strategik bagi melestarikan keutuhan dan kedaulatan institusi Raja-raja Melayu sebagai ketua negeri dan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara. Justeru sumber kedaulatan Raja-raja Melayu ialah ketaatan orang-orang Melayu dan ketetapan yang tersurat dalam Perlembagaan Malaysia, maka ketuanan dan hak istimewa orang Melayu menjadi salah satu tunggak utama dalam binaan syi'ar Islam di Malaysia. Satu lagi tunggak utama dalam binaan tersebut ialah undang-undang Islam yang melindungi aqidah dan menjamin keharmonian dalam tatakehidupan umat

## MENJUNJUNG MANDAT

*“Betapa status Islam dan nasib malang yang bakal dihadapi oleh ummah jika institusi Raja ditiadakan, dan kerajaan pilihan rakyat yang berkuasa pada satu hari nanti, berpegang kepada doktrin pemerintahan bahawa agama adalah urusan individu—agama adalah di luar tanggungjawab negara.*

*Akan berkelanalah ummah, Masjid Ubudiah, (begitu juga masjid-masjid lain), mungkin bertukar menjadi muzium, tempat para pelancong dimaklumkan bahawa pada suatu masa dahulu, bangunan yang begini cantik seni binanya, adalah tempat ‘pengikut ajaran Muhammad’ menunaikan sembahyang.*

*Barang dijauhkan Allah daripada berlakunya senario menyayat hati itu. Untuk itu kuasa Raja Melayu dalam urusan agama Islam dan institusi Islam sangat perlu dipertahankan dan diperkuuh, demi memastikan Islam terus kekal menjadi identiti negara.”*

- Raja Dr. Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah (2011)

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). *Titah DiRaja Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah*, sempena Kongres Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia pada 28-29 Syawal 1432 bersamaan 26-27 September 2011 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

## MENJUNJUNG MANDAT

Islam berdasarkan ketetapan syarak. Oleh itu keutuhan dan kedaulatan undang-undang Islam bukan sahaja harus ditegakkan malah keberkesanannya pentadbiran dan pelaksanaannya harus menjadi agenda dalam pelan tindakan strategik menjunjung mandat pemerintah negeri.

### ASPIRASI

Mandat pemerintah negeri dizahirkan bersama dengan aspirasi untuk memajukan ummah. Tiga unsur asasi dalam aspirasi kemajuan ummah tersebut ialah, pertama, usaha pemerkasaan keterampilan individu, daya upaya organisasi dan kekuatan ummah menerusi pendidikan.

Unsur asasi kedua ialah ikhtiar untuk meningkatkan tahap sosioekonomi individu, keluarga, komuniti dan ummah. Tahap sosioekonomi yang tinggi menjadi petunjuk keupayaan ummah menikmati kualiti hidup yang tinggi, memperoleh pendidikan yang sempurna dan menyumbang dengan berkesan kepada agenda pembangunan negara.

# MENJUNJUNG MANDAT

**ASPIRASI** Unsur ketiga ialah prakarsa ekonomi yang merangkumi penyertaan aktif dalam bidang perniagaan, perdagangan, perindustrian dan perkhidmatan. Penyertaan aktif umat Islam dalam prakarsa ekonomi, sama ada penyertaan yang bersifat mikro maupun makro, menjadi prasyarat kejayaan mereka dalam menguasai ekuiti kekayaan negara. Apatah lagi dengan kehadiran agenda transformasi ekonomi negara untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 berteraskan kreativiti dan inovasi.

25

**PELAN TINDAKAN STRATEGIK** Maka pelan tindakan strategik bagi menterjemah aspirasi pemerintah negeri harus merealisasikan ketiga-tiga unsur asasi kemajuan sosioekonomi ummah tersebut.

Oleh itu pelan tindakan strategik ini merupakan pernyataan tekad MAIPk – setelah mengambil kira pandangan ulama, cendekiawan, usahawan besar dan usahawan kecil, pendidik, pemimpin dan anggota gerakan masyarakat sivil, pemimpin masyarakat akar umbi, ibu bapa, belia dan

## MENJUNJUNG MANDAT

**PELAN TINDAKAN** pelajar — untuk menjunjung mandat dan **STRATEGIK** menterjemahkan aspirasi pemerintah negeri.

Justeru sifatnya sebagai pelan tindakan strategik, maka perencanaan ini mengambil kira kekuatan dan batasannya serta peluang dan ancaman yang wujud dalam persekitarannya, supaya sektor-sektor yang kritikal, bidang-bidang yang strategik dan dimensi-dimensi yang khusus dapat dikenal pasti dengan tepat.

Selanjutnya hala tuju dirumus, strategi dirangka dan tindakan-tindakan dijadualkan secara tersusun supaya sumber-sumber yang terhad itu dapat digembangkan dengan optimum bagi mendatangkan impak yang maksimum.

Bagi mencapai maksud tersebut, pelan tindakan strategik ini distrukturkan kepada komponen berikut:

- i) Azam memajukan ummah dan melindungi kesucian syi'ar Islam yang menjadi intisari mandat dan aspirasi pemerintah negeri.


# MENJUNJUNG MANDAT

## PELAN TINDAKAN STRATEGIK


- ii) Kerangka strategik yang menjelaskan sektor tujuan, bidang strategik serta garis masa dan fasa pelaksanaan.
- iii) Pelan tindakan yang menjelaskan strategi dan tindakan bagi setiap bidang strategik.
- iv) Pelaksanaan yang menjelaskan cabaran dan pelan pelaksanaan, keperluan terhadap komitmen pemimpin dan tenaga kerja pada segenap mata rantai organisasi dan pasukan operasi, dan faktor risiko kritikal.

27





### **Ekshibit 3.1** Tiga sektor tujahan bagi merealisasikan azam memajukan ummah dan melindungi kesucian syi'ar Islam.





## KERANGKA STRATEGIK

### AZAM

**H**ala tuju pelan strategik ini ialah untuk merealisasikan azam pemerintah negeri bagi ‘memajukan ummah dan melindungi kesucian syi’ar Islam’. Azam pemerintah negeri itu selanjutnya menjadi azam MAIPk yang membentuk kerangka strategik pelan ini.

Kerangka strategik mengandungi tiga sektor tujuan yang menjuruskan inisiatif dalam empat bidang strategik:

#### Tiga Sektor Tujuan (Ekshibit 3.1):

##### i) Ketinggian syi’ar Islam.

Dalam ekosistem ‘Islam sebagai agama Persekutuan’ di Malaysia, ketinggian syi’ar Islam ditandai oleh:

- Keutuhan dan kedaulatan institusi Raja-raja Melayu sebagai ketua negeri dan ketua agama Islam di negeri masing-masing. Keutuhan dan kedaulatan Raja-raja Melayu menjadi sangat kritikal dalam amalan demokrasi di Malaysia supaya Islam dapat dipertahankan sebagai agama Persekutuan dan hak

31

## KERANGKA STRATEGIK

# KERANGKA STRATEGIK

serta kepentingan umat Islam menjadi paksi/intisari turun-temurun dalam semua agenda pembangunan negara.

- Keutuhan dan keberkesanan undang-undang Islam yang ditadbir dan dilaksanakan oleh mahkamah syariah. Kedaulatan dan keberkesanan tersebut meliputi keupayaan sistem pentadbiran undang-undang Islam menegakkan ketetapan-ketetapan syarak dalam konteks/realiti kehidupan semasa serta menjamin penegakan keadilan demi kesejahteraan umat Islam.
- Kemantapan ‘aqidah dan kejelasan tasawur Islam dalam kalangan umat Islam. Aspek ‘aqidah dan tasawur ini sangat penting ditangani dengan tekun dan bijaksana kerana umat Islam berdepan dengan pelbagai cabaran yang dibawa oleh arus globalisasi, ledakan ilmu dan maklumat, kemajuan sains, teknologi dan ekonomi, dan

# KERANGKA STRATEGIK

## KERANGKA STRATEGIK

### [*Sektor Tujuan*]

ii)

perkembangan daya fikir generasi abad ke-21.

- Penghayatan Islam sebagai cara hidup individu, keluarga dan masyarakat Islam. Penghayatan ini penting supaya nilai-nilai Islam dapat merentas segenap segi kehidupan, meliputi segi sosial, ekonomi dan politik, serta dijelmakan pada segenap peringkat kefungsian kehidupan—peribadi, profesi, hubungan sesama manusia, hubungan manusia dengan alam, dan hubungan manusia dengan Tuhan.

33

Pendidikan untuk mentransformasi ummah.

Dalam konteks persaingan manusia sejagat pada abad ke-21 yang menyaksikan kejuaraan ditentukan oleh penguasaan pelbagai cabang ilmu serta maklumat dan ketajaman daya fikir aras tinggi, maka pendidikan harus direkayasa supaya dapat

## KERANGKA STRATEGIK [Sektor Tujahan]

# KERANGKA STRATEGIK

mentransformasi akal budi, daya fikir dan daya kreativiti generasi muda Muslim.

Malah umat manusia seluruhnya, yang semakin keliru oleh rempuhan tsunami maklumat yang amat rumit untuk disaring dan diurus, serta kehidupan yang semakin terhempit oleh ketamakan manusia ekonomi dan keserakahan manusia politik, sangat memerlukan kehadiran profesional alaf baharu yang berkeperibadian mulia, berakal budi dan menampilkan sifat-sifat kemuliaan insan (*karamah insaniah*).

Ini bermakna institusi pendidikan Islam bukan sahaja memikul amanah untuk mendidik generasi muda Muslim supaya tampil sebagai generasi ulul al-bab, malah memikul harapan manusia sejagat untuk menyediakan profesional bertaqwa serta berupaya menyelesaikan permasalahan manusia sejagat.

# KERANGKA STRATEGIK

## KERANGKA STRATEGIK

### [*Sektor Tujahan*]

- iii) Kemajuan ekonomi untuk kesejahteraan.

Tujahan ini sangat kritikal kerana umat Islam di Malaysia bakal mengharungi kehidupan dalam sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Ini bermakna tahap sosioekonomi umat Islam mesti dilonjakkan ke tahap yang lebih tinggi daripada tahap purata kesejahteraan sosioekonomi rakyat Malaysia.

Dalam senario negara maju berpendapatan tinggi tersebut, umat Islam harus menjadi penyumbang utamanya, bukan penumpang yang selama-lamanya bergantung kepada sumber kekayaan negara yang disumbang oleh orang lain.

Oleh itu institusi Islam harus melangkaui peranan tradisionalnya sebagai penjaga kemurnian ‘aqidah dan pengawal keunggulan akhlak. Institusi Islam harus berupaya membimbing dan mendorong umat

## KERANGKA STRATEGIK

### KERANGKA STRATEGIK

#### [Sektor Tujahan]

### KERANGKA STRATEGIK

#### [Bidang Strategik]

supaya mencapai kemajuan dalam dunia ekonomi, dunia dagang dan dunia perindustrian.

Masjid misalnya, wajar ditransformasikan sebagai pusat pemajuan ekonomi ummah setempat. Demikian juga para asnaf penerima agihan zakat—agihan zakat kepada mereka wajar dilaksanakan dalam konteks transformasi upaya niaga sehingga mereka dapat berhijrah daripada pangkalan penerima wang zakat ke pangkalan pembayar zakat.

Justeru MAIPk menyedari magnitud cabaran yang besar serta kompleks untuk ditangani dengan berkesan bagi setiap sektor tujahan tersebut, serta realiti keterbatasan daya upaya modal insan dan keterbatasan sumber, maka pelan ini mengenal pasti empat bidang strategik sebagai tumpuan inisiatif.

Empat Bidang Strategik (**Ekshhibit 3.2**):

- i) Keutuhan mandat bagi meninggikan syi'ar Islam, mendaulatkan Raja-raja

# KERANGKA STRATEGIK


**Ekshibit 3.2** Konsep kerangka strategik Pelan Tindakan 2016-2021 Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak.

**Bidang Strategik 3**  
Inisiatif strategik pendidikan bagi membangunkan ummah dalam aspek pembinaan keterampilan dan pemajuan daya fikir abad ke-21 dan penghayatan al-Quran.

**Bidang Strategik 4**  
Inisiatif strategik ekonomi bagi mempertingkatkan kemajuan sosioekonomi ummah dalam aspek perdagangan dan perindustrian serta kesejahteraan keluarga.

**Bidang Strategik 2**  
Inisiatif kritikal memperkasakan MAIPk dalam aspek kelestarian sumber dan daya upaya organisasi.

**Bidang Strategik 1**  
Keutuhan mandat bagi meninggikan syi’ar Islam, mendaulatkan Raja-raja Melayu dan mempertahankan hak istimewa orang Melayu.



## KERANGKA STRATEGIK

### [*Bidang Strategik*]

## KERANGKA STRATEGIK

### [*Garis Masa*]

- Melayu dan mempertahankan hak istimewa orang Melayu.
- ii) Inisiatif kritikal memperkasakan MAIPk dalam aspek kelestarian sumber dan daya upaya organisasi.
  - iii) Inisiatif strategik pendidikan bagi membangunkan ummah dalam aspek pembinaan keterampilan dan pemajuan daya fikir abad ke-21 dan penghayatan al-Quran.
  - iv) Inisiatif strategik ekonomi bagi mempertingkatkan kemajuan sosioekonomi ummah dalam aspek perdagangan dan perindustrian serta kesejahteraan keluarga.

Garis masa dan fasa pelaksanaan (**Exhibit 3.3**) pelan ini merentas tempoh masa selama enam tahun yang dibahagikan kepada dua fasa: fasa taktikal yang bermula dari 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2018; dan fasa lonjakan yang bermula dari 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2021. Pada fasa taktikal, pelaksanaan inisiatif ditumpukan

## KERANGKA STRATEGIK

**KERANGKA** kepada perkara-perkara kritikal bagi **STRATEGIK** membolehkan perkara-perkara strategik **[Garis Masa]** diusahakan pada fasa lonjakan.

### Ekshibit 3.3 Garis masa dan fasa pelaksanaan pelan tindakan.

Tempoh Masa: 2016—2021

Fasa Taktikal

2016 2018

Fasa Lonjakan

2019 2021

Keutuhan mandat bagi meninggikan syi'ar Islam, mendaulatkan Raja-raja Melayu dan mempertahankan hak istimewa orang Melayu.

- Inisiatif kritikal memperkasakan MAIPk dalam aspek kelestarian sumber dan daya upaya organisasi.

- Inisiatif strategik pendidikan bagi membangunkan ummah dalam aspek pembinaan keterampilan dan pemajuan daya fikir abad ke-21 dan penghayatan al-Quran.
- Inisiatif strategik ekonomi bagi mempertingkatkan kemajuan sosioekonomi ummah dalam aspek perdagangan dan perindustrian serta kesejahteraan keluarga.

39







# KEUTUHAN MANDAT

## DIMENSI STRATEGIK

Pelan tindakan dalam bidang strategik keutuhan mandat dijuruskan ke arah empat dimensi berikut:

- i) Syi'ar Islam.
- ii) Kedaulatan Raja-raja Melayu.
- iii) Hak istimewa orang Melayu.
- iv) Keutuhan undang-undang Islam.

Tindakan strategik bagi keempat-empat bidang strategik tersebut ditunjukkan dalam ekshibit 4.1, 4.2, 4.3 dan 4.4 di muka surat 44 hingga muka surat 47.

43

*“Segala yang terpahat dalam Perlembagaan adalah dalam semangat menjunjung Tujuh Wasiat Raja-raja Melayu yang secara tegas menetapkan antaranya, Islam sebagai agama Persekutuan, bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, Tanah Simpanan Melayu diperuntuk dan dipertahankan, kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum-kaum lain dilindungi, kedaulatan Raja-raja Melayu memerintah negara kekal terjamin.”*

- Raja Dr. Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah (2011)

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). *Titah DiRaja Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Riduan, Raja Dr. Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah*, sempena Kongres Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia pada 28-29 Syawal 1432 bersamaan 26-27 September 2011 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

# KEUTUHAN MANDAT

## Ekshibit 4.1 Strategi dan tindakan bagi dimensi syi'ar Islam.

### STRATEGI

#### Dimensi 1. SYI'AR ISLAM

- 1.1. Menggiatkan gerakan dakwah dan penataran al-Quran.
- 1.2. Melibatsamakan entiti masyarakat sivil dalam gerakan dakwah dan penataran al-Quran.
- 1.3. Merekayasa daya upaya masjid sebagai pusat kesejahteraan komuniti.
- 1.4. Memasyarakatkan masjid.

- i) Mewujudkan jalinan dan jaringan dengan NGO dalam usaha dakwah Islam, penataran maklumat yang benar dan pematangan pemikiran ummah.
- ii) Menggubal dan melaksanakan kurikulum pengajian al-Quran yang meliputi tahap celik al-Quran, faham al-Quran, apresiasi al-Quran dan penghayatan al-Quran dalam kehidupan.
- iii) Membina daya upaya sumber manusia masjid secara tersusun dan berterusan supaya mampu menggunakan kaedah pengurusan moden dan berupaya mengupas isu-isu semasa dengan tepat lagi berkesan.
- iv) Menjadikan masjid dan sumber manusia masjid sebagai pembimbing dan perunding cara kesejahteraan keluarga.
- v) Menjadikan masjid sebagai pusat pembelajaran, pusat kegiatan sosial dan rakan ekonomi komuniti.
- vi) Menggunakan pelbagai saluran media baharu serta melibatsamakan pelbagai entiti masyarakat sivil bagi menjelaskan pelbagai isu yang mengelirukan umat Islam.

### TINDAKAN

# KEUTUHAN MANDAT

**Ekshibit 4.2** Strategi dan tindakan bagi dimensi kedaulatan Raja-raja Melayu.

## Dimensi 2. KEDAULATAN RAJA-RAJA MELAYU

### STRATEGI

2.1. Memperteguh integriti MAIPk sebagai jurucakap dan penjulang kedaulatan Raja-raja Melayu.

- i) Memperteguh jalinan, kesatuan pemikiran dan kesatuan suara ulama, umara, cendekiawan dan ahli profesional sebagai kelompok advokasi institusi Raja-raja Melayu.
- ii) Mendidik masyarakat, khususnya umat Islam, tentang kedudukan dan kepentingan tanggungjawab Raja-raja Melayu sebagai ketua negeri dan ketua agama Islam.
- iii) Menatarkan mandat dan aspirasi Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, khususnya dalam aspek yang berkaitan dengan syi'ar Islam dan kesejahteraan hidup umat Islam dalam negeri Perak.
- iv) Merealisasikan maksud *Resolusi Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah 2016* (Rujuk **Sisipan 4.2A**)

### TINDAKAN

# KEUTUHAN MANDAT

**Ekshibit 4.3** Strategi dan tindakan bagi dimensi hak istimewa orang Melayu.

## Dimensi 3. HAK ISTIMEWA ORANG MELAYU

### STRATEGI


3.1. Memperteguh integriti MAIPk sebagai penjaga kepentingan orang Melayu dan penggerak usaha melonjakkan strata sosioekonomi orang Melayu.

- i) Menggerakkan usaha jangkauan bantuan terhadap orang Melayu dalam bidang pendidikan, perdagangan dan perindustrian.
- ii) Meningkatkan ketampakan (*visibility*) dan keresponsifan (*responsiveness*) dalam isu yang melibatkan kepentingan dan kemampuan orang Melayu.
- iii) Meningkatkan ekuiti orang Melayu dalam sektor ekonomi, khususnya dalam bidang perdagangan, perindustrian dan perkhidmatan.
- iv) Membebaskan keluarga orang Melayu yang terperangkap dalam belenggu kemiskinan dan kemunduran.

### TINDAKAN

## KEUTUHAN MANDAT

**Ekshibit 4.4** Strategi dan tindakan bagi dimensi ketuhanan undang-undang Islam.



# KEUTUHAN MANDAT

**Sisipan 4.2A Resolusi Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah 2016 pada 24-25 Januari 2016 di Ipoh, Perak.**

## **RESOLUSI I**

Menyebarluaskan fakta yang jelas tentang sejarah Tanah Melayu dan kesultanan Melayu berdasarkan manuskrip Melayu dari seluruh dunia dan dokumen lain yang absah (autentik).

## **RESOLUSI II**

Menyemak semula buku teks/sukatan pelajaran sejarah Tanah Melayu dan kesultannya pada semua peringkat pengajian di sekolah-sekolah dan di institusi pengajian tinggi di Malaysia supaya memberikan fakta yang tepat.

## **RESOLUSI III**

Manuskrip Melayu hendaklah diangkat sebagai punca teras untuk kita mendapatkan maklumat dalam mempertahankan tamadun Melayu masa kini.

## **RESOLUSI IV**

Raja Melayu sebagai institusi yang telah termaktub dalam perlumbagaan. Segala perancangan, sokongan dan gerak kerja mesti diarahkan kepada pendaulatan institusi Raja-raja Melayu sebagai negara berperlumbagaan.

## **RESOLUSI V**

Raja Melayu merupakan pemegang kuasa mutlak yang melahirkan sistem pemerintahan, sistem kepimpinan, sistem pembesar, sistem adat istiadat dan juga tadbir urus kerajaan. Institusi raja merupakan asas kepada tamadun Melayu. Institusi agama dan majlis agama Islam negeri-negeri hendaklah diperkemaskan dalam semua aspek.

## **RESOLUSI VI**

Sejarah institusi Raja-raja Melayu hendaklah disebarluaskan kepada generasi hari ini melalui sistem pendidikan dan masjid-masjid, agar menjadi satu warisan dan penghayatan mereka sebagai rakyat Malaysia seluruhnya tanpa mengira bangsa dan agama.

## **RESOLUSI VII**

Agama Islam menjadi dasar pegangan dan penghayatan kepimpinan diraja sebagai tunggak pemerintahan serta contoh ikutan rakyat jelata.

## **RESOLUSI VIII**

Langkah-langkah pengukuhan institusi Raja-raja Melayu hendaklah

# KEUTUHAN MANDAT

menjadi agenda berterusan kerajaan oleh semua pihak berwajib bagi memastikan survival institusi Raja-raja Melayu diperkuuhkan.

## **RESOLUSI IX**

Menegaskan kepada semua pemimpin politik tanpa mengira parti agar jangan sekali-kali menggadaikan kedaulatan Islam dan institusi Raja-raja Melayu sebagai ketua agama semata-mata untuk memenuhi tuntutan politik kepartian.

## **RESOLUSI X**

Mempertingkatkan sinergi gerakan dakwah dan amal Islami pada peringkat nasional untuk memperkasakan institusi Raja-raja Melayu.

## **RESOLUSI XI**

Negara perlu mempunyai sebuah suruhanjaya di bawah naungan Majlis Raja-Raja dan Yang di-Pertuan Agong bagi memastikan ikrar dan sumpah duli-duli tuanku atas nama Allah untuk memelihara agama Islam benar-benar dilaksanakan. Suruhanjaya ini, berfungsi sebagai "hisbah" serta bertanggungjawab terus kepada Majlis

Raja-Raja dan Yang di-Pertuan Agong. Justeru, suruhanjaya itu berhak memberikan teguran dan nasihat berdasarkan prinsip Islam kepada Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri dan agensi-agensinya sama ada secara langsung atau melalui laporan tahunan Majlis Raja-Raja.

## **RESOLUSI XII**

Agensi-agensi agama mestilah melaksanakan usaha yang berterusan bagi meningkatkan kefahaman masyarakat; mengadakan majlis-majlis ilmu, ceramah dan program ilmu yang lain.

## **RESOLUSI XIII**

Mempertahankan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai warisan daripada Nabi dan para sahabat dan ulama Islam merangkumi persoalan aqidah, aliran Asya'irah, fiqah, mazhab Syafie, tasawuf, aliran al-Qusyairi, aliran al-Ghazali dan aliran al-Baghdadi daripada sebarang ancaman aliran yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti liberalisme, pluralisme, Syi'ah dan aliran-aliran lain.







# MEMPERKASAKAN MAIPk

## DIMENSI STRATEGIK

Sebagai faktor penentu kejayaan, dimensi strategik yang dikenal pasti harus benar-benar mendatangkan impak yang serius terhadap kecekapan, keberkesanan dan daya maju (*viability*) organisasi MAIPk serta inisiatif dan program yang bakal dilaksanakan.

Memperkasakan MAIPk merupakan inisiatif kritikal kerana tanpa daya upaya yang ampuh, aspirasi besar dan strategi komprehensif yang digarap dalam pelan tindakan ini tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan sempurna. Ringkasnya ‘memperkasakan MAIPk’ merupakan faktor penentu kejayaan pelan ini.

Dalam masa yang sama, faktor penentu kejayaan yang dikenal pasti itu harus dilaksanakan pada tahap secemerlang mungkin (*at the highest possible level of excellence*) bagi mencapai objektif yang diharapkan.


Dengan demikian pelan tindakan dalam bidang strategik memperkasakan MAIPk dijuruskan ke arah dua dimensi strategik berikut:

- i) Kelestarian sumber.
- ii) Keampuhan daya upaya organisasi.

Tindakan strategik bagi kedua-dua dimensi krtikal tersebut ditunjukkan dalam ekshibit 5.1 dan 5.2 di muka surat 54 dan muka surat 56.

# MEMPERKASAKAN MAIPk

## Ekshibit 5.1 Kelestarian sumber.



# MEMPERKASAKAN MAIPk

## **Sisipan 5.1A Misi, inisiatif dan tindakan PKEINPk Sdn. Bhd.**

MISI	INISIATIF	TINDAKAN
1. Meningkatkan nilai pemegang saham.	1.1. Pembangunan harta tanah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Berusaha sama dengan dengan pemaju harta tanah terkemuka.</li> <li>ii) Mewujudkan bank harta tanah dan membangunkannya.</li> <li>iii) Membangunkan tanah milik MAIPk.</li> </ul>
	1.2. Meningkatkan hasil dan nilai ladang sawit.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Menambahkan ladang kelapa sawit melalui skim Rancangan Tanah Berkelompok dan/atau berusaha sama dengan agensi perladangan kelapa sawit.</li> <li>ii) Membeli ladang kelapa sawit yang sudah mengeluarkan hasil.</li> <li>iii) Mengurus ladang kelapa sawit milik MAIPk.</li> </ul>
	1.3. Mengembangkan dan mempelbagaikan perusahaan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Perusahaan pengurusan dan penyelenggaraan bangunan dan kawasan letak kereta.</li> <li>ii) Industri sokongan pertanian seperti baja dan benih kelapa sawit.</li> <li>iii) Hospital waqaf.</li> <li>iv) Pendidikan swasta.</li> </ul>
	1.4. Meneroka industri baharu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Industri kreatif.</li> <li>ii) Industri yang berasaskan teknologi tinggi.</li> </ul>
2. Meningkatkan pemilikan aset MAIPk.	2.1. Waqaf dan pelaburan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Memajukan dana/harta/projek wakaf yang dipertanggungjawabkan oleh MAIPk.</li> <li>ii) Kontraktor utama projek waqaf, terutama dalam bidang pengurusan ladang kelapa sawit, pembangunan tanah waqaf dan pelaburan dana waqaf dalam instrumen kewangan dan harta tanah.</li> </ul>
	2.2. Pembangunan harta tanah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pembangunan harta tanah sedia ada di Meru Raya.</li> <li>ii) Perladangan kelapa sawit di atas tanah kurnia Kerajaan Negeri Perak kepada MAIPk seluas 20,000 ekar.</li> </ul>

# MEMPERKASAKAN MAIPK

## Ekshibit 5.2 Keampuhan daya upaya organisasi.

### Dimensi 2. KEAMPUHAN DAYA UPAYA ORGANISASI

#### STRATEGI

2.1. Merekayasa organisasi dengan mempertingkatkan daya upaya sumber manusia, memperteguh struktur dan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengurusan.

- i) Memperteguh sistem dan menyemarakkan budaya kerja berprestasi tinggi (Rujuk **Sisipan 5.2A** di muka surat 57).
- ii) Merencana dan melaksanakan program pembangunan profesional berterusan dalam aspek pengurusan korporat, pengurusan pelanggan, pengurusan projek dan keterampilan komunikasi.
- iii) Merencana dan melaksanakan program latihan dan penataran hala tuju organisasi bagi meningkatkan komitmen dan integriti.
- iv) Mengkaji dan memperakukan penstrukturran organisasi dan pengurusan sumber manusia.
- v) Mengkaji dan memperakukan penggunaan perkakasan dan perisian teknologi maklumat dan komunikasi yang relevan dengan keperluan organisasi.
- vi) Mewujudkan kolaborasi dan jaringan strategik dengan organisasi seaspirasi.

#### TINDAKAN

# MEMPERKASAKAN MAIPk

## Sisipan 5.2A Rekayasa organisasi MAIPk bagi menyemarakkan budaya kerja berprestasi tinggi.

### i) VISI

Menjadi institusi Islam yang syumul dalam memacu kemajuan dan kesejahteraan ummah berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah.

### ii. MISI

Memperkasakan baitulmal bagi melaksanakan mandat dan aspirasi pemerintah negeri Perak demi mencapai objektif berikut:

- Meninggikan syi'ar Islam.
- Membangunkan ummah menerusi pendidikan.
- Meningkatkan kesejahteraan ummah menerusi kemajuan sosioekonomi.

### iii) NILAI

Warga MAIPk bertekad menyempurnakan misi organisasi dengan mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi dan menghayati nilai-nilai berikut:

- Sinergi—sentiasa mengutamakan permuafakatan dan permusuawaran.
- Integriti—melaksanakan kerja secara profesional dan beretika.
- Komitmen—berikhtiar seberapa daya upaya bagi menyampaikan

perkhidmatan pada tahap yang paling cemerlang.

### iv) BAITULMAL

Pemerksaan baitulmal dengan meningkatkan keberkesanan dan produktiviti sektor berikut:

- Pungutan zakat—penggubalan *Enakmen Zakat* dan penubuhan bahagian/firma pungutan zakat.
- Pengurusan wakaf—penguatkuasaan dan pelaksanaan *Enakmen Wakaf* dan penubuhan Wakaf Perak yang berperanan sebagai názir wakaf.
- Pengurusan sumber am—penggiatan perusahaan PSB menerusi Pelan Tindakan Strategik PSB.

### v) JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Transformasi bagi meningkatkan impak program pendidikan, dakwah dan penguatkuasaan undang-undang Islam.

### vi) JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PERAK

Transformasi bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian keadilan dan impak pelaksanaan undang-undang Islam.







# PENDIDIKAN MEMBANGUNKAN UMMAH

## DIMENSI STRATEGIK

Peran tindakan dalam bidang strategik pendidikan dijuruskan ke arah transformasi pendidikan Islam dalam negeri Perak bagi membangunkan ummah dalam aspek keterampilan dan pemajuan daya fikir abad ke-21, dan penghayatan al-Quran.

Oleh itu inisiatif dan program transformasi pendidikan Islam ditumpukan kepada dua dimensi berikut:

- i) Pembinaan keterampilan dan pemajuan daya fikir abad ke-21
- ii) Penghayatan al-Quran.

Tindakan strategik bagi kedua-dua bidang strategik tersebut ditunjukkan dalam eksibit 6.1 dan 6.2 di muka surat 62 dan muka surat 64.

*“Kandungan al-Quran wajib difahami, wajib dikaji, wajib diselami; diterokai khazanah ilmu yang tersirat di sebalik yang tersurat hingga ummah menemui mutiara berharga yang terkandung di dasar kitab, lalu dijadikan pakaian ummah ketika menyempurnakan tugas dan tanggungjawab terutama dalam memenuhi amanah mengurus tadbir negara dan menjalankan urus niaga.”*

*Daripada 6,238 ayat Al-Quran, 228 daripadanya menyentuh perkara-perkara awam berkaitan ekonomi, undang-undang dan susun atur sosial yang wajib dijadikan rujukan oleh setiap umat Islam agar roh Islam dapat dijelmakan dalam atur urusan dunia.”*

- SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH (2015)

# PENDIDIKAN MEMBANGUNKAN UMMAH

**Ekshibit 6.1** Pendidikan untuk membina keterampilan dan pemajuan daya fikir abad ke-21.

## Dimensi 1. PEMBINAAN KETERAMPILAN DAN PEMAJUAN DAYA FIKIR ABAD KE-21

### STRATEGI

- 1.1. Merekayasa dan memposisi semula institusi pendidikan Islam.
- 1.2. Mengangkat daya upaya sumber manusia institusi pendidikan Islam.
- 1.3. Membangunkan kurikulum untuk pembinaan sahsiah, pemajuan daya fikir dan penajaman daya saing.

- i) Menjadikan KUISAS puncak pendidikan Islam, mata arah pelajar institusi pendidikan Islam peringkat menengah, dan institusi perkaderan graduat berketerampilan global serta berdaya keusahawanan. (Rujuk **Sisipan 6.1A**)
- ii) Mentransformasi Sekolah Menengah Agama Negeri premier kepada kolej yang menawarkan pengajian peringkat prauniversiti, pengajian profesional dan pengajian prasiswazah.
- iii) Membangunkan skim latihan lanjutan dan melaksanakan program pembangunan profesional berterusan untuk pentadbir dan pendidik institusi pendidikan Islam, khususnya dalam aspek pedagogi, kurikulum, kepimpinan dan komunikasi.
- iv) Menyediakan/mentransformasi kurikulum pendidikan Islam dengan menerapkan unsur kemahiran berfikir aras tinggi dan daya fikir konstruktif.
- v) Menyediakan kurikulum untuk memantapkan sahsiah dan membangunkan daya saing lulusan sebagai warga dunia abad ke-21.

### TINDAKAN

# PENDIDIKAN MEMBANGUNKAN UMMAH

## Sisipan 6.1A Piramid pendidikan Islam negeri Perak.



# PENDIDIKAN MEMBANGUNKAN UMMAH

## Ekshibit 6.2 Pendidikan untuk menyemarakkan penghayatan al-Quran.

### Dimensi 2. PENGHAYATAN AL-QURAN

#### STRATEGI

2.1. Menyediakan pengajian al-Quran yang menjurus ke arah pemahaman, apresiasi dan penghayatan.

- i) Membangunkan dan melaksanakan kurikulum tahliz al-Quran yang mengandungi deskripsi lulusan yang memahami, mengapresiasi dan menghayati al-Quran pada peringkat diri, keluarga, pekerjaan dan amalan profesional, dan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. (Rujuk Sisipan 6.2A)
- ii) Menyediakan guru institusi tahliz yang berupaya menerapkan nilai dan ruh al-Quran serta mampu merungkai kekeliruan dalam masyarakat tatkala melaksanakan kurikulum tahliz al-Quran.
- iii) Merekayasa daya upaya institusi tahliz supaya mampu melaksanakan kurikulum tahliz (yang terhasil daripada tindakan (i)), menggembangkan tenaga guru institusi tahliz seoptimumnya (yang terbentuk daripada tindakan (ii)) dan memanfaatkan sumber yang disediakan secekapnya.

#### TINDAKAN

# PENDIDIKAN MEMBANGUNKAN UMMAH

## Sisipan 6.2A Jawatankuasa Diraja Negeri Perak Bagi Membangunkan Kurikulum Pendidikan Sekolah/Maahad Tahfiz.

Pelan tindakan ini memperakukan penubuhan Jawatankuasa Diraja Negeri Perak Bagi Membangunkan Kurikulum Pendidikan Sekolah/Maahad Tahfiz.

### i) RASIONAL

Penubuhan sebuah jawatankuasa diraja bagi melaksanakan kerja-kerja pembaharuan yang berkaitan dengan pendidikan sangat perlu kerana:

- Tenaga pemikir yang ahli dan berpengalaman dalam dunia pendidikan dapat digembangkan bagi menyumbangkan buah fikiran.
- Tenaga pemikir daripada pelbagai sektor lain dapat dilibatsamakan, bukan sahaja sebagai penyumbang buah fikiran, malah sebagai rakan kongsi strategik pada masa hadapan.
- Sekutu strategik, sama ada agensi Kerajaan Persekutuan mahupun institusi pendidikan swasta, dapat dimanfaatkan bagi mengumpul pengalaman dan amalan terbaik dalam pendidikan.

### ii) TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA

- Mengkaji keadaan/status semasa berkenaan jenis, kandungan, organisasi, tatacara dan kaedah kurikulum tahfiz yang digunakan dan ditawarkan di semua institusi yang menawarkan pengajian tahfiz dalam negeri Perak.
- Mengkaji organisasi dan tatacara pengurusan dan pentadbiran sekolah tahfiz di negeri Perak dan membuat perakuan bagi memantapkan lagi organisasi, pengurusan dan pentadbirannya.
- Menyemak dan memperakukan kurikulum pendidikan tahfiz serta garis panduan tatacara pelaksanaannya di semua institusi yang menawarkan pengajian tahfiz dalam negeri Perak.
- Memperakukan penawaran dan pelaksanaan kursus pengajian yang mempunyai nilai tinggi serta relevan dengan keperluan kehidupan abad ke-21 bagi melahirkan insan ‘yang harmonis dan bersepadu’ selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.





- “*Ummah mengimpikan pencapaian ekonomi yang lebih baik, profesion pekerjaan yang lebih baik, taraf hidup yang lebih baik, urus tadbir negara yang lebih baik.*”
  - “*...mengenal pasti, memantau, membantu dan memperlengkap usaha-usaha negara untuk membangunkan taraf ekonomi, taraf pendidikan dan taraf sosioekonomi ummah.*”
- Raja Dr. Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah (2011)

(Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). *Titah DiRaja Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah*, sempena Kongres Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia pada 28-29 Syawal 1432 bersamaan 26-27 September 2011 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.)

# KEMAJUAN EKONOMI & KESEJAHTERAAN

## DIMENSI STRATEGIK

Malaysia bakal menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Persekutaran ekonomi berpendapatan tinggi itu sudah pasti membawa bersamanya cabaran yang lebih sengit terhadap kesejahteraan sosioekonomi umat Islam.

MAIPk sebagai institusi umat Islam turut menggalas tanggungjawab bagi menangani cabaran hidup dalam realiti baharu itu. Dua elemen strategik yang harus ditangani oleh MAIPk ialah penyertaan aktif usahawan Muslim dalam sektor perdagangan dan perindustrian moden, dan peningkatan taraf sosioekonomi keluarga umat Islam.

Oleh itu pelan tindakan dalam inisiatif strategik ekonomi ditumpukan kepada dua dimensi berikut:

i) Pemajuan usahawan perdagangan dan perindustrian.

ii) Kesejahteraan sosioekonomi keluarga.

Tindakan strategik bagi kedua-dua bidang strategik tersebut ditunjukkan dalam ekshibit 7.1 dan 7.2 di muka surat 70 dan muka surat 71.

# KEMAJUAN EKONOMI & KESEJAHTERAAN

**Ekshibit 7.1** Inisiatif bagi memajukan usahawan Muslim dalam sektor perdagangan dan perindustrian.

## Dimensi 1. PEMAJUAN USAHAWAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

### STRATEGI

- 1.1. Meningkatkan daya maju usahawan perdagangan dan perindustrian.
- 1.2. Mengembangkan harta wakaf.

- i) Menggerakkan kolaborasi serta mengkaji cara-cara bagi memajukan usahawan kecil dan sederhana dalam bidang perdagangan, pembuatan dan perindustrian.
- ii) Menyediakan pusat niaga, medan industri pembuatan, modal permulaan dan khidmat bimbingan kepada usahawan kecil dan sederhana.
- iii) Menubuhkan entiti pengurusan dan pemajuan harta wakaf untuk mengusahakan harta wakaf sehingga dapat menjana nilai semaksimumnya.
- iv) Menyuburkan budaya mewakaf harta untuk manfaat pendidikan dan pemajuan daya keusahawanan ummah dalam bidang ekonomi.

### TINDAKAN

# KEMAJUAN EKONOMI & KESEJAHTERAAN

**Ekshibit 7.2** Inisiatif bagi meningkatkan taraf sosioekonomi keluarga umat Islam.

## Dimensi 2. KESEJAHTERAAN SOSIOEKONOMI KELUARGA

### STRATEGI

- 2.1. Memaksimumkan impak agihan zakat bagi mengeluarkan ummah daripada belenggu kemiskinan dan kemunduran.
- 2.2. Mentransformasi masjid sebagai pusat kemajuan sosioekonomi komuniti.

- i) Merencana dan menggerakkan penyertaan penerima zakat dalam kegiatan perdagangan dan perindustrian mikro secara tersusun, terbimbing dan berkelompok.
- ii) Menyediakan skim latihan kemahiran dan latihan keusahawanan kepada penerima zakat sehingga mereka menjadi pekerja mahir atau usahawan mikro.
- iii) Menggembung sumber manusia dan prasarana masjid supaya berperanan sebagai pusat eksibisi dan pusat promosi produk komuniti kepada usahawan perdagangan.

### TINDAKAN







## LANGKAH SELANJUTNYA: PELAKSANAAN

### CABARAN PELAKSANAAN

Strategi yang digarapkan dalam pelan ini harus dijadikan hala tuju semua inisiatif, program dan aktiviti organisasi MAIPk serta entiti strategik MAIPk seperti PKEINPk Sdn. Bhd. serta anak-anak syarikatnya, Jabatan Agama Islam Negeri Perak serta institusi dibawahnya, dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak serta institusi keadilan naungannya.

Selanjutnya hala tuju tersebut harus menjadi pedoman segenap lapisan tenaga kerja pada segenap mata rantai organisasi dan pasukan operasi, khususnya pedoman dalam merencanakan apa-apa usaha yang patut dilaksanakan mengikut tertib keutamaan.

Oleh itu setiap mata rantai organisasi dan pasukan operasi wajar menyediakan pelan pelaksanaan masing-masing supaya gerakan besar menterjemahkan mandat dan aspirasi pemerintah negeri dapat dijuruskan ke arah bidang dan dimensi strategik yang digarapkan dalam pelan ini. Keberhasilan daripada pelaksanaan pelan pelaksanaan itu hendaklah dijadikan petunjuk pencapaian

## LANGKAH SELANJUTNYA: PELAKSANAAN

utama setiap mata rantai dan pasukan operasi.

**PELAN PELAKSANAAN** Pelan pelaksanaan setiap mata rantai organisasi dan pasukan operasi itu hendaklah mengandungi:

- i) Program/aktiviti yang spesifik, konkret dan terperinci.
- ii) Pelaksana yang dipertanggungjawabkan.
- iii) Ketetapan garis masa memulakan pelaksanaan dan garis masa keberhasilan utamanya dijangka tercapai.
- iv) Keberhasilan utama (*outcome*) bagi setiap program/aktiviti yang dapat diukur sebagai petunjuk pencapaian utama.
- v) Faktor kritikal kejayaan, sama ada dalam bentuk sumber manusia, sumber kewangan, teknologi dan prasarana, sistem/manual dan perundangan, sekutu strategik dan komitmen pemimpin organisasi.

## LANGKAH SELANJUTNYA: PELAKSANAAN

**KOMITMEN PEMIMPIN** Selanjutnya kejayaan pelan ini terpikul sepenuhnya di atas pundak para pemimpin setiap mata rantai organisasi dan pasukan operasi. Pemimpin pada segenap peringkat harus berani melangkah ke hadapan dengan langkahan yang lebih luas daripada langkahan-langkahan sebelum ini serta berani pula membuat keputusan-keputusan strategik.

Bagi memastikan setiap langkahan ke hadapan dan keputusan strategik tersebut direncana dengan teliti serta dilaksanakan dengan penuh rasa bertanggungjawab maka satu pasukan pelaksana perlu diwujudkan. Pasukan pelaksana tersebut boleh dinamakan ‘Jawatankuasa Pelaksanaan Pelan Strategik MAIPk 2016—2021’.


77

Jawatankuasa Pelaksanaan hendaklah dipengerusikan sendiri oleh YDP MAIPk dan dianggotai oleh ketua-ketua pasukan petugas bagi setiap bidang strategik. Ketua pasukan petugas merupakan penanggungjawab atau *champion* bagi bidang strategik masing-masing.

## LANGKAH SELANJUTNYA: PELAKSANAAN

**Ekshibit 8.1** Jawatankuasa Pelaksanaan Pelan Strategik MAIPk  
2016—2021.

- Pasukan Petugas Dimensi Strategik 10 (Kesejahteraan Sosioekonomi Keluarga)
- Pasukan Petugas Dimensi Strategik 9 (Pemajuan Usahawan Perdagangan & Perindustrian)
- Pasukan Petugas Dimensi Strategik 7&8 (Pembinaan Keterampilan dan Pemajuan Daya Fikir Abad Ke-21 dan Penghayatan al-Quran)
- Pasukan Petugas Dimensi Strategik 6 (Keampuhan Daya Upaya Organisasi)
- Pasukan Petugas Dimensi Strategik 5 (Kelestarian Sumber)
- Pasukan Petugas Dimensi Strategik 4 (Keutuhan Undang-Undang Islam)



## LANGKAH SELANJUTNYA: PELAKSANAAN

### KOMITMEN TENAGA KERJA

Ekhibit 8.1 di muka surat 78 mempamerkan struktur Jawatankuasa Pelaksanaan Pelan Strategik 2016—2021 MAIPk.

Seiring dengan langkah berani para pemimpin ialah komitmen segenap anggota pada segenap mata rantai organisasi dan pasukan operasi. Segenap anggota harus mengambil langkah proaktif berikut:

- i) Memahami dan menghayati nilai yang mendasari budaya kerja berprestasi tinggi bagi menyempurnakan misi yang dimandatkan oleh pemerintah negeri. Nilai-nilai tersebut ialah sinergi, integriti dan komitmen.
  - Sinergi—sentiasa mengutamakan permuafakatan dan permusyawarahan.
  - Integriti—melaksanakan kerja secara profesional dan beretika.
  - Komitmen—berikhtiar seberapa daya upaya bagi menyampaikan

## LANGKAH SELANJUTNYA: PELAKSANAAN

### KOMITMEN TENAGA KERJA

### FAKTOR RISIKO KRITIKAL

perkhidmatan pada tahap yang paling cemerlang.

- ii) Berikhtiar sedaya upaya menterjemahkan nilai-nilai tersebut dalam bentuk tindakan yang paling cemerlang untuk menyumbang dalam apa jua inisiatif, program dan aktiviti bagi melaksanakan strategi yang digarapkan dalam pelan ini.
- iii) Berikhtiar sedaya upaya meningkatkan daya upaya diri, dalam segenap aspek pengetahuan dan kompetensi, supaya tugas dan tanggungjawab dapat disempurnakan dengan cekap dan berkesan serta menerbitkan hasil kerja yang berkualiti tinggi.

Komitmen para pemimpin dan tenaga kerja pada segenap peringkat mata rantai organisasi dan pasukan operasi sangat mustahak kerana kebolehlaksanaan setiap strategi yang digarapkan dalam pelan ini bergantung kepada ketepatan analisis terhadap pelbagai faktor dalaman dan faktor

## LANGKAH SELANJUTNYA: PELAKSANAAN

**FAKTOR RISIKO** luaran ketika mana pelan tindakan ini **KRITIKAL** dibangunkan.

Justeru hasil analisis merupakan rumusan telahan berpandukan maklumat yang tersedia, maka komitmen —serta sinergi dalam berusaha dan integriti dalam melaksanakan tugas — bakal mencetuskan kreativiti dan inovasi dalam menangani pelbagai cabaran yang muncul pada setiap langkah pelaksanaan.

Dinamika faktor luaran juga tidak dapat dan tidak upaya dikawal, bukan sahaja oleh penggubal pelan ini, malahan oleh para pemimpin dan tenaga kerja pada peringkat pelaksanaan. Bagaimanapun, dengan persiapan yang rapi dan amalan budaya kerja berprestasi tinggi, insya Allah, mandat dan aspirasi pemerintah negeri dapat direalisasikan menerusi usaha serta ikhtiar yang berteraskan nilai sinergi, integriti dan komitmen.







# LAMPIRAN I:

## Laporan Kolokium Memperkasakan MAIPk

### Deskripsi

Kolokium telah dilaksanakan pada Sabtu, 4 April 2015 dari jam 8.00 pagi hingga jam 2.00 petang di Hotel Casuarina, Meru.

Sebanyak lima makmal diadakan bagi merumus strategi berikut:

Makmal	Strategi
Kapten Industri	Strategi Memperkasakan Daya Upaya Ekonomi MAIPk
Usahawan Kecil dan Sederhana	Strategi Kolaborasi MAIPk- Usahawan SME Untuk Memajukan Kekuatan Sedia Ada
Pemaju Ilmu dan Daya Fikir	Strategi Untuk Melonjakkan Penguasaan Ilmu dan Keterampilan Daya Fikir Ummah
Penggerak Masyarakat Sivil	Strategi Untuk Mentransformasi Ummah Dalam Persekutuan Serta Cabaran Baharu Abad Ke-21
Pemimpin Masyarakat Akar Umbi	Strategi Untuk Menjadikan Masjid Sebagai Agen Peningkatan Kualiti Hidup dan Kemajuan Sosioekonomi Ummah

### Atur Cara Kolokium

9.00 pagi	Ucapan Pengantar Haluan Kolokium oleh Yang Dipertua MAIPk. Cetusan Idea Kapten Industri: 1) Tan Sri Dato' Seri Dr. Mohd Nadzmi bin Mohd Salleh 2) Dato' Seri Abdul Wahab bin Maskan 3) Taklimat Profil Aset Strategik MAIPK oleh Tuan Haji Mohamad Tarmizi bin Taib, Ketua Pegawai Eksekutif PSB.
9.30 pagi	Sesi Makmal Perumusan Strategi.
12.30 tengah hari	Penyerahan Nota Strategi Kepada Yang Dipertua MAIPk.
12.35 tengah hari	Ucapan Penghargaan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk.
2.00 petang	Bersurai.

85

### Peserta

Seramai 50 orang telah hadir sebagai ahli, pelapor, pegawai rujukan dan urus setia kolokium

## LAMPIRAN I: *Laporan Kolokium Memperkasakan MAIPk*

seperti berikut (senarai penuh peserta di muka surat 92 dan 93):

Kumpulan	Bilangan
Ahli Majlis	11
Usahawan (kapten industri dan SME)	6
Eksekutif badan korporat	3
Pendidik	6
Pemimpin masjid dan NGO	9
Pegawai rujukan dan pelapor (Pegawai MAIPk dan Eksekutif PSB)	15
Jumlah	50

### *Output*

Kelima-lima makmal merumuskan empat faktor kritikal kejayaan gerak kerja MAIPk:

(i) Persekutuan strategik (*strategic alliances*) dengan entiti korporat, usahawan SME dan aktivis NGO.

(ii) Memposisi semula (*repositioning*) ikhtiar pelaburan dan usaha niaga serta struktur organisasi MAIPk.

(iii) Merekayasa (*reengineering*) institusi pendidikan Islam dan institusi masjid.

(iv) Penjenamaan (*rebranding*) dan peneguhan imej menerusi peningkatan ketampakan (*visibility*), jangkauan bantuan (*outreach*) dan keresponsifan (*responsiveness*).

Jadual di muka surat 87 hingga muka surat 91 memaparkan ringkasan *output* setiap makmal.

# LAMPIRAN I:

## Laporan Kolokium Memperkasakan MAIPk

### RINGKASAN OUTPUT MAKMAL I: KUMPULAN KAPTEN INDUSTRI

Strategi	Fokus	Cadangan Tindakan
Pemampaman daya ekonomi MAIPk	<p>Menambah aset MAIPk sebanyak RM1 bilion dalam tempoh tiga tahun seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Tahun I (2016): RM250 juta</li><li>• Tahun II (2017): RM350 juta</li><li>• Tahun III (2018): RM450 juta</li></ul>	<p>(i) PENEROKAAN BIDANG BAHARU</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Perolehan saham/ekuiti dalam syarikat tersenarai di pasaran saham.</li><li>• Perolehan tanah baharu.</li><li>• Kolaborasi dengan agensi Kerajaan Negeri Perak.</li></ul> <p>(ii) PEMBANGUNAN HARTANAH</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Meru Raya (53 ekar).</li><li>• Modal awal (<i>seed capital</i>) daripada wakaf tunai untuk membangunkan hostel pelajar, pusat dagang (<i>mall</i>) dan bazar niaga.</li><li>• Berkolaborasi dengan majlis-majlis perbandaran bagi memajukan aset wakaf dalam kawasan majlis perbandaran berkenaan.</li></ul> <p>(iii) SEKTOR KEWANGAN DAN TAKAFUL</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pelaburan/kolaborasi dalam syarikat takaful.</li></ul>

# LAMPIRAN I:

## Laporan *Kolokium Memperkasakan MAIPk*

RINGKASAN OUTPUT MAKMAL II: KUMPULAN USAHAWAN KECIL DAN SEDERHANA

Strategi	Fokus	Cadangan Tindakan
Penubuhan entiti pelaburan dan pemajuan usahawan SME (sebagai anak syarikat milik penuh MAIPk).	<ul style="list-style-type: none"><li>Pemajuan aset harta yang belum dimajukan.</li><li>Pemasaran produk Muslim.</li><li>Pembangunan usahawan Muslim sehingga layak membayar zakat.</li></ul>	<p>(i) MAJUKAN HARTANAH SEDIA ADA:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>Usaha sama dengan YPEIM bagi disewakan kepada usahawan.</li><li>Pembangunan projek bercampur meliputi hotel, supermarket dan bazar.</li></ul> <p>(ii) KHIDMAT BANTU SEKTOR PEMBUATAN DAN PERUNCITAN (MODEL PROSPER PUNB):</p> <ul style="list-style-type: none"><li>Khidmat bimbingan inkubator.</li><li>Penjenamaan dan pemasaran.</li><li>Latihan dan modal</li></ul> <p>(iii) KHIDMAT BANTU USAHAWAN SME:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>Pembelian lot niaga bernilai tinggi dan strategik untuk disewakan kepada usahawan Muslim.</li></ul>

# LAMPIRAN I:

## Laporan Kolokium Memperkasakan MAIPK

RINGKASAN OUTPUT MAKMAL III: KUMPULAN PEMAJU ILMU DAN DAYA FIKIR

Strategi	Fokus	Cadangan Tindakan
Merekayasa dan memposisi semula institusi pendidikan Islam.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mentransformasi institusi.</li><li>• Mengangkat daya upaya sumber manusia.</li><li>• Mentransformasi kurikulum.</li></ul>	<p>(i) MENAIKTARAFKAN SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI KEPADA KOLEJ</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Sijil professional antarabangsa (IGCSE/IB).</li><li>• Kursus profesional.</li><li>• Berkembar dengan institusi pendidikan antarabangsa.</li></ul> <p>(ii) PROGRAM BINA UPAYA TENAGA PENGAJAR SMAN/TAHFIZ/KUISAS</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Latihan pedagogi lanjutan.</li><li>• Anugerah biasiswa pengajian lanjutan untuk guru/pensyarah SMAR/SMAN/KUISAS.</li></ul> <p>(iii) KURIKULUM UNTUK PROFESIONAL</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Elemen profesional dan STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik) dalam kurikulum sekolah/maahad tafhib.</li><li>• Program elitis dan <i>industry-driven</i> di KUISAS.</li></ul>

# LAMPIRAN I:

## Laporan *Kolokium Memperkasakan MAIPk*

RINGKASAN *OUTPUT MAKMAL IV: KUMPULAN PENGGERAK MASYARAKAT SIVIL*

Strategi	Fokus	Cadangan Tindakan
90 Mewujudkan dan menggiatkan jaringan serta jalinan strategik MAIPk-NGO.	<ul style="list-style-type: none"><li>Penyebaran maklumat yang benar.</li><li>Pemulihan kekeliruan dalam masyarakat.</li><li>Pematangan pemikiran umat.</li></ul>	<p>(i) CYBERTROOPER MAIPk</p> <ul style="list-style-type: none"><li>NGO sebagai penggerak barisan hadapan dalam media sosial.</li><li>Perteguh kefahaman Islam dalam kalangan penggerak NGO.</li></ul> <p>(ii) RAKAN STRATEGIK MAIPk</p> <ul style="list-style-type: none"><li>Majlis muafakat NGO Muslim.</li><li>Penubuhan dan pengaktifan Sahabat MAIPk.</li><li>Direktori NGO dan usahawan Muslim.</li></ul> <p>(iii) AFILIASI NGO-MASJID</p> <ul style="list-style-type: none"><li>Muafakat untuk mendidik masyarakat secara berterusan serta menggunakan kurikulum MAIPk (kerana aktivis NGO dapat mengaitkan isu/cabarannya semasa dalam aktiviti pengajian Islam di masjid).</li></ul>

# LAMPIRAN I:

## Laporan Kolokium Memperkasakan MAIPK

RINGKASAN OUTPUT MAKMAL IV: KUMPULAN PEMIMPIN MASYARAKAT  
AKAR UMBI

Strategi	Fokus	Cadangan Tindakan
Memasyarakatkan masjid.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Maslahah umat.</li><li>• Jaringan dan muafakat.</li><li>• Bina upaya sumber manusia masjid.</li></ul>	<p>(i) INTITUSI PENDIDIKAN DAN OUTREACH</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pengajian yang tersusun/ berstruktur.</li><li>• Pusat perungkai kekeliruan ummah.</li><li>• Pangkalan data kariah masjid.</li></ul> <p>(ii) MASJID SEBAGAI PUSAT KOMUNITI</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pusat kegiatan NGO.</li><li>• Pusat pembelajaran IPTA/ IPTS/Pusat pendidikan jarak jauh.</li><li>• Pusat khidmat masyarakat.</li><li>• Pusat kesihatan.</li></ul> <p>(iii) PENDIDIKAN BERTERUSAN UNTUK SUMBER MANUSIA MASJID</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Supaya sumber manusia masjid mampu mengupas isu semasa dengan tepat dan berkesan.</li><li>• Supaya sumber manusia masjid dapat menggunakan kaedah pengurusan moden.</li></ul> <p>(iv) PUSAT EKONOMI KOMUNITI</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pusat eksibisi dan pemasaran produk setempat (B2B).</li></ul>

# LAMPIRAN I:

## Laporan Kolokium Memperkasakan MAIPk

### SENARAI KEHADIRAN KOLOKIUM MEMPERKASAKAN MAIPk

Ahli Majlis

- 1) Tan Sri Datuk Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin
- 2) Dato' Seri Ismail bin Shahudin
- 3) Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini
- 4) Dato' (Dr.) Haji Abdul Malik bin Awang Kechil
- 5) Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan
- 6) Puan Rohana binti Abd Malek
- 7) Tuan Haji As'ad bin Awang
- 8) Dato' Zainal Azdam bin Abd. Ghani
- 9) Dato' Haji Md Salleh bin Haji Ahmad
- 10) Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor
- 11) Dato' Shaharudin bin Haji Nazari

Ahli Kolokium  
(Usahawan)

- 1) Tan Sri Dato' Seri Dr. Mohd Nadzmi bin Mohd Salleh
- 2) Encik Hang Tuah bin Din @ Mohamed Din
- 3) Encik Mohammad Faizal bin Abd Jabar
- 4) Tuan Haji Mohd Yusoh bin Abd Rahman
- 5) Tuan Haji Mokhtar bin Abd Razak
- 6) Encik Abdul bin Jamaludin

Ahli Kolokium  
(Eksekutif  
Korporat)

- 1) Dato' Seri Abdul Wahab bin Maskan
- 2) Dato' Abibullah bin Haji Samsudin
- 3) Encik Mohd. Salem bin Kailany

Ahli Kolokium  
(NGO)


- 1) Encik Saidi Adnan bin Md. Nor
- 2) Ustaz Hafiz Ng bin Abdullah

# LAMPIRAN I:


## Laporan Kolokium Memperkasakan MAIPk

### SENARAI KEHADIRAN KOLOKIUM MEMPERKASAKAN MAIPk (sambungan)

Ahli Kolokium (Akar Umbi)	1) Tuan Haji Mohamad Tarmizi bin Abdul Hamid 2) Encik Shaiful Adli bin Haji Mohd Arsad 3) Tuan Haji Shamsi bin Mohd Nali 4) Ustaz Muntaha Kamil bin Halid 5) Ustaz Mohd Zin bin Mohd Noor 6) Tuan Haji Alias bin Mohamad 7) Tuan Haji Razak bin Ali
Ahli Kolokium (Pendidik)	1) Profesor Madya Dr. Wan Sabri bin Wan Yusof 2) Encik Ahmad Rosidi bin Ramley 3) Puan Hajjah Noraini binti Hj.Zainal Abidin 4) Encik Abdul Manaf bin Asmani 5) Drs. Dawi Cahyono bin Nurdin 6) Ustaz Paiz bin Hasan
Pegawai dan Staf MAIPk (Pegawai rujukan dan pelapor)	1) Dr. Amiruddin bin Muhammed 2) Puan Hajah Wan Maizura binti Hj. Wan Zahari 3) Encik Rohizan bin Haji Omar 4) Ustaz Bakri bin Lee 5) Encik Wan Abdul Halim Hafiidz bin Mohd Amin 6) Encik Zulfadli bin Baharom 7) Encik Nabil Fikri bin Mohamad 8) Puan Norfazilah binti Bawadi 9) Encik Muhammad Naquib bin Mohamad Tarmizi 10) Encik Mior Khairul Anas bin Razali 11) Encik Mohammed Tasyreef bin Mohamad Tarmizi
Eksekutif PSB (Pegawai rujukan dan pelapor)	1) Tuan Haji Mohamad Tarmizi bin Taib 2) Encik Ramlan bin Abdul Rahman 3) Encik Muhammad Fadhli bin Ismail 4) Encik Mohd Norsafizal bin Md. Sapian



## LAMPIRAN II: Carta Organisasi MAIPk



95



Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak  
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan,  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30000 Ipoh, Perak.

